


Jilid I
Bil. 31



Hari Rabu
19hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4313]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4347]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.20 [Ruangan 4348]

Maksud B.21 hingga B.24 [Ruangan 4393]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.20 [Ruangan 4348]

Maksud P.21 hingga P.24 [Ruangan 4393]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., JP. (Benteng).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT(Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam),
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFERY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KJM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI -MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P..D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUANISMAIL *alias* MANSOR BINSALD, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL, ASANG, B.S.K.
(Jambangan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.I.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (KotaTinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI BIN SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO(Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., PC., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. Au (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 19hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PEJABAT POS BAYAN
LEPAS—KESESAKAN**

1. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar mengenai kesesakan yang berlaku di Pejabat Pos Bayan Lepas, orang ramai yang datang untuk membayar berbagai bil, membeli setem serta lain-lain keperluan terpaksa beratur panjang menanti giliran, kadangkala berdiri di tengah panas kerana bangunan lama yang ada sekarang ini tidak sesuai lagi. Sekiranya sedar, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengganti kepada bangunan baru. Jika sekiranya ada bila rancangan tersebut hendak dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kesesakan berlaku di Pejabat Pos Bayan Lepas terutama sekali pada awal bulan kerana kebanyakan penduduk di kawasan berkenaan bertumpu kepada Pejabat Pos berkenaan itu sahaja untuk mendapat perkhidmatan yang diperlukan, walaupun mereka boleh memperoleh perkhidmatan yang sama

daripada Pejabat-pejabat Pos di Lapanganterbang Bayan Lepas dan juga di bandar Bayan Baru yang jaraknya hanya di antara setengah batu hingga satu setengah batu dari Pejabat Pos Bayan Lepas. Dalam keadaan sedemikian sudah tentulah Pejabat Pos Bayan Lepas yang kini hanya mempunyai 4 kaunter sahaja dan kawasan orang ramai yang kecil menghadapi kesesakan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang menguruskan kerja-kerja pengubahsuaian untuk menambahkan dua kaunter lagi di samping memperluaskan kawasan orang ramai di Pejabat Pos tersebut. Kerja pengubahsuaian ini dijangka akan selesai pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada rancangan untuk menggantikan Pejabat Pos Bayan Lepas dengan bangunan baru kerana Kementerian saya telah menyediakan rancangan untuk membina satu Pejabat Pos baru di Batu Maung dalam Rancangan Malaysia Kelima, yang mana jaraknya hanya lebih kurang 5 batu sahaja daripada Pejabat Pos Bayan Lepas.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menambahkan masa kerja bagi hari-hari yang sibuk di Pejabat Pos Bayan Lepas dan juga di lain-lain Pejabat Pos di seluruh Malaysia seperti yang pernah dibuat oleh jabatan-jabatan yang lain?

Tuan Ong Tin Kim: Kementerian saya setakat ini tidak ada rancangan untuk memanjangkan masa kerja di

Pejabat Pos. Tetapi pada masa ini kerja di tiap-tiap Pejabat Pos itu dijalankan setiap hari walaupun waktu makan tengahari, pegawai-pegawai itu juga bekerja pada waktu makan tengahari. Jadi, kerja itu tidak diberhentikan sampai pukul 5.00 petang.

Dr Eng Seng Chai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa bukan sahaja ada kesesakan orang berbaris di luar Pejabat Pos tetapi juga ada kesesakan dalam Pejabat Pos di mana semua akaun-akaun pembayaran tidak sampai ke Ibupejabat-ibupejabat Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Bekalan Air seperti di kawasan saya di Petaling Jaya telah menimbulkan masalah orang-orang yang sudah buat pembayaran melalui Pejabat Pos sekarang diberi notis dari Ibupejabat Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Bekalan Air yang berkata mereka sudah berhutang beratus-ratus ringgit dalam pembayaran arrears. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mengatasi kesesakan akaun pembayaran di dalam pentadbiran Pejabat Pos?

Tuan Ong Tin Kim: Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat itu, kita mesti fahami bahawa kerja-kerja mengutip bil-bil elektrik, telekom dan assessment itu adalah kerja tambahan kepada Pejabat Pos, tetapi Pejabat Pos atau kakitangannya tidak dapat ditambah. Jadi, dengan pegawai-pegawai yang sama itu juga kena buat kerja tambahan untuk mengutip bil-bil elektrik, bil-bil telekom dan bil-bil air dan juga assessment. Jadi, dalam keadaan ekonomi sekarang ini, saya ingat susahlah hendak mengatasi soal ini. Itu jawapan saya.

UNDANG-UNDANG CERMIN GELAP

2. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah status undang-undang tentang kegunaan cermin gelap dan penguatkuasaannya yang agak kurang menyeluruh.

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, kaedah-kaedah yang digunakan sekarang adalah yang digubal dalam tahun 1980. Penguatkuasaan terhadap kenderaan yang didapati menggunakan cermin gelap yang melebihi had yang dibenarkan adalah dengan menggunakan satu alat pengukur yang kemudian didapati tidak tepat bacaannya. Maka kegunaan alat tersebut tidak lagi diteruskan atas sebab-sebab teknikal. Jabatan Pengangkutan telah mendapatkan ganti alat tersebut yang didapati sesuai dengan kehendak undang-undang yang berkenaan. Alat tersebut akan digunakan tidak lama lagi.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa baru-baru ini pihak berkuasa Polis Kota Kinabalu telah menjalankan satu kempen menahan dan menyaman pemandu-pemandu yang memandu kenderaan yang menggunakan cermin gelap. Saya juga difahamkan bahawa pihak Polis Kota Kinabalu tidak mempunyai alat atau mesin pengukur untuk memastikan peratus tembusan cahaya untuk menentukan sama ada cermin gelap yang digunakan mematuhi peruntukan undang-undang yang dikenakan.

Soalan saya apakah tindakan Polis Kota Kinabalu tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang, sedangkan di ibu kota ini pun masih banyak lagi pemandu yang memandu kereta bercermin gelap.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu pihak Polis di Kota Kinabalu telah menjalankan satu rancangan yang tidak tepat dengan undang-undang yang ada. Apabila Kementerian Pengangkutan telah diberitahu, arahan telah diberi kepada pihak Polis di Kota Kinabalu untuk memberhentikan rancangan itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya cermin gelap itu telah menyebabkan beberapa perkara kontroversi sama ada paras ukuran itu yang disesuaikan dalam sisi undang-undang. Kadangkala ini menjadikan satu perkara silap faham antara pihak yang berkuasa dan pihak yang menggunakan kenderaan. Adakah ini kerana pelaksanaan yang tidak begitu teliti sebelum pelaksanaan ini dijalankan. Dan juga adakah ini memberikan satu peluang kepada pedagang-pedagang atau peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk mencari wang yang lebih apabila cermin gelap ini dikuatkuasakan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang atau kaedah-kaedah yang ada adalah jelas iaitu kadar gelap yang boleh digunakan di atas kaca kenderaan bermotor adalah tidak akan melebihi atau cahaya kelihatan yang boleh menerusi satu kaca kenderaan tidak kurang daripada 70%. Dalam undang-undang kadar ini adalah jelas. Berkenaan dengan sama ada peniaga-peniaga akan untung dengan cara-cara yang tidak begitu sihat, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan warganegara Malaysia adalah orang yang ingin mematuhi undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa Kementerianya sudah dapat alat yang sesuai untuk

menguatkuasakan peraturan-peraturan cermin gelap yang ditetapkan dalam tahun 1980. Oleh kerana apabila kaedah-kaedah itu dilaksanakan, dikuatkuasakan ada timbul fiasco cermin gelap di mana banyak kesusahan-kesusahan adalah disebabkan oleh kerana ketidakcekapan, tidak sensitiviti pihak Kerajaan dan juga pihak Polis. Adakah oleh kerana fiasco yang pertama enam tahun lepas Kementerian atau Yang Berhormat Menteri menjamin bahawa apabila alat-alat yang bam ini digunakan tidak akan timbul fiasco yang kedua yang menyebabkan lagi kesusahan-kesusahan kepada semua pengguna-pengguna dan kalau berlaku lagi fiasco yang kedua adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk letak jawatan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa ingin mengambil langkah-langkah yang tepat sebelum melaksanakan satu dasar dan oleh kerana itu saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang baik sebelum melaksanakan dasar ini.

Oleh kerana itu soalan yang kedua tidak timbul.

PROJEK PERUMAHAN KOPERASI

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah projek perumahan dijalankan oleh Koperasi-koperasi di negara ini, dan anggaran bilangan unit rumah yang terlibat. Adakah Kementerian telah menerima aduan-aduan daripada orang ramai mengenai skim-skim perumahan, jika ya, berapakah dan apakah langkah-langkah Kementerian beliau bercadang hendak ambil untuk membantu mangsa-mangsa yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama Yang Berhormat itu saya akan memberikan maklumat bagi tempoh masa mulai dari tahun 1981 sahaja iaitu apabila Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian saya. Di antara tahun 1981 hingga bulan Jun 1986 sebanyak 6,570 unit rumah semua jenis bernilai \$272.4 juta telah dibina oleh 76 buah Koperasi. Sehingga 30hb Jun, 1986 ada 30 buah Koperasi yang sedang menjalankan pembinaan sebanyak 4,983 unit rumah semua jenis yang sedang dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan awalan.

Mengenai soalan kedua Yang Berhormat itu, aduan ada diterima daripada ahli-ahli Koperasi serta juga orang ramai berkenan dengan projek-projek perumahan yang dilaksanakan oleh Koperasi-koperasi umpamanya mengenai projek perumahan yang terbengkalai, ataupun projek yang lambat siap. Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi bagi mengatasi masa-lah-masalah yang dibangkitkan itu.

Umpamanya, Kementerian telah cuba membantu Koperasi bagi mengatasi masalah-masalah projek terbengkalai yang disebabkan oleh masalah kewangan, dengan memberikan pinjaman daripada Tabung Pusingan Jabatan berkenaan. Jika masalah adalah berkaitan dengan pengurusan Koperasi itu sendiri, Koperasi biasanya dinasihatkan supaya menggunakan pengurusan professional,

Mengenai aduan seperti potongan gaji dibuat walaupun rumah belum siap, ini adalah merupakan peraturan di antara ahli pemberi dengan pihak yang memberi pinjaman di mana Kementerian saya tidak terlibat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Koperasi-koperasi yang menghadapi kesulitan kewangan dalam menjalankan kegiatan bina rumah dibantu dengan kewangan daripada Tabung Pusingan."

Saya ingin mendapat tahu berapakah jumlah wang dalam Tabung Pusingan ini dan berapa buah Koperasi telah mendapat daripada wang bantuan daripada Tabung ini dan bagaimanakah Koperasi ini akan membayar balik kepada Tabung ini supaya Tabung ini selepas dua tiga tahun tidak menjadi seperti koperasi-koperasi sekarang yang 24 buah itu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini wang yang terdapat di Tabung Pusingan yang saya sebutkan tadi masih berbaki \$10 juta, dan untuk memberikan bilangan Koperasi-koperasi yang sempat memperolehi pinjaman, saya minta notis.

Untuk menjawab soalan yang kedua, bagaimana Koperasi-koperasi yang telah mendapatkan pinjaman dapat membayar balik, Kementerian saya cuma memberikan wang pinjaman kepada projek-projek yang dianggap sebagai viable, dengan izin, dan apabila projek itu sudah siap dibina, pembayaran balik itu memang boleh dibayar balik kepada Jabatan Pembangunan Koperasi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah unit rumah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu yang dibina oleh koperasi-koperasi yang dibekukan yakni sebahagian daripada 24 buah koperasi yang dibekukan dua-tiga bulan lalu? Kalau rumah-rumah itu dibina oleh koperasi yang dibekukan itu, apakah tindakan yang dibuat untuk menyiapkan rumah-rumah yang tidak dapat disiapkan itu

dan adakah sebelum pihak koperasi membina rumah itu permohonan itu dibuat melalui Kementerian Yang Berhormat ataupun terus kepada Kementerian Perumahan?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya adalah berkaitan dengan koperasi-koperasi perumahan dan ini adalah tidak sama dengan projek-projek perumahan yang dijalankan oleh apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, 24 buah koperasi yang ada juga menjalankan projek-projek perumahan tetapi melalui syarikat-syarikat subsidiarinya.

Projek-projek perumahan yang dianjurkan oleh 24 buah koperasi berkenaan adalah di luar kawalan Kementerian saya dan tidak ada permohonan yang perlu dibuat kepada Kementerian saya untuk mendapatkan kelulusan untuk menjalankan projek-projek perumahan yang berkenaan.

PASARAN BAHAN- BAHAN MENTAH

4. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dibuat untuk raendapatkan pasaran bahan-bahan mentah di negara kita untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa, apakah nama-nama negara yang membeli bahan-bahan mentah daripada negara kita dan berapakah nilainya pada tiap-tiap tahun mulai tahun 1982 hingga hari ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah tertalu panjang, 10 muka kesemuanya, mengandungi butir-butir daripada tahun 1982 sehingga sekarang. Oleh yang demikian, saya pohpn untuk menjawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Peter Paul Dason tidak hadir)

IBADAT HAJI—AGENSI SWASTA

6. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan di bawah dasar penswastan Kerajaan sekarang ini, apakah alasan Kerajaan yang begitu kuat menghalang pemergian Jemaah Haji ke Mekah secara swasta; jika pemergian ke Tanah Suci itu disyaratkan mesti melalui LUTH, apakah ia satu daripada syarat sah ibadat haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu telah pun saya sentuh dan menerangkan dengan panjang lebar semasa menggulung perbincangan Belanjawan mengenai peruntukan bagi agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang baru lepas. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang akhir tidak ada jawapan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau tidak ada jawapan, soalan tambahan tidak dibenarkan.

**PENGETUA/GURU BESAR—
KURSUS PENTADBIR SEKOLAH**

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah semua pengetua dan guru besar sekolah diwajibkan menghadiri kursus pentadbir sekolah sebaik sahaja mereka dilantik menjawat jawatan itu. Sila nyatakan bilangan pengetua, guru besar dan penolong kanan yang telah dan belum lagi menjalani kursus tersebut.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidaklah mengenakan syarat kepada pengetua dan guru besar untuk menghadiri kursus latihan pentadbiran sekolah sebelum mereka dilantik ke jawatan berkenaan.

Walau bagaimanapun, pemilihan bagi jawatan pengetua dan guru besar itu adalah berdasarkan kemampuan mereka melaksanakan tanggungjawab mentadbir dan mengurus dengan baik, termasuklah keyakinan Jabatan Pelajaran bahawa mereka mempunyai kecekapan dan pengalaman yang sesuai. Di samping itu kebanyakan dari pengetua-pengetua, guru-guru besar dan penolong-penolong kanan memang dilatih dari masa ke semasa di Institut Pengurusan dan Pendidikan Negara (IPPN) di Genting, bukan Genting atas, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Genting Bawah (Lower Genting), dengan izin.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu adakah salah satu subjek dalam kursus pentadbiran sekolah untuk guru besar dan pengetua itu termasuk kursus politik? Nampaknya sebahagian guru besar dan pengetua sekolah ambil bahagian dalam politik khususnya di dalam pilihanraya umum baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan soalan sudahlah.

Tuan Hu Sepang: Soalannya mengenai kursus pentadbiran sekolah. Adakah sebahagian kursus pentadbiran itu termasuk kursus politik untuk menolong Barisan Nasional memenangi election? (*Ketawa*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sejauh pengetahuan saya, kursus-kursus ini ialah mengenai pengunisan sekolah-sekolah, pentadbiran dan juga pengawasan guru-guru.

Soal minat kebanyakan guru-guru dalam politik tentunya ada dan saya kira adalah satu perkara yang membanggakan kerana kebanyakan guru-guru berminat untuk menolong parti-parti Kerajaan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak menambah satu perkataan dalam soalan *S(c)* iaitu selepas perkataan "Ulu Keratong RISDA 2" ditambah perkataan, "Pahang". Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-8.

**PENDATANG HARAM
INDONESIA/FILIPINA**

8. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan;

- (a) berapa ramai pendatang-pendatang haram Indonesia dan Filipina yang berada di Malaysia;
- (b) jumlah pendatang-pendatang haram yang dibuang negeri selepas 3-8-86 dan sebutkan negara asal dan bilangan; dan

(c) sama ada Menteri yang berkenaan sedar bahawa terdapat satu kumpulan besar pendatang-pendatang haram Indonesia di Ulu Keratong RISDA 2, Pahang yang merampas peluang bekerja rakyat kita dan mengancam keamanan negara dan apakah tindakan yang diambil

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang sering saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik mengenai pendatang-pendatang haram dari Indonesia dan Filipina yang berada di negara ini oleh kerana kemasukan mereka adalah secara haratn dan menyalahi Undang-undang Imigresen. Mereka sentiasa menjauhkan diri dari pihak berkuasa kerana mereka takut dikenakan tindakan mengikut kehendak Undang-undang Imigresen.

Jumlah pendatang haram yang diusir keluar dari 3-8-86 sehingga 30-9-86 mengikut negara asal adalah seperti berikut:

| | |
|----------------------|--------------|
| India | 3 |
| Bangladesh | 2 |
| Indonesia | 1,573 |
| Thailand | 385 |
| Burma.. .. . | 110 |
| Singapura | 6 |
| Filipina | 7 |
| Jumlahnya .. | <u>2,086</u> |

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa terdapatnya satu kumpulan besar pendatang haram Indonesia di Ulu Keratong RISDA 2, Pahang Darulmakmur. Jika dakwaan itu benar, tindakan tegas akan diambil

ke atas pendatang-pendatang haram dan juga orang-orang yang bersubahat dengan mereka.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan. Daripada angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pendatang haram dari Indonesia dan Thailand yang ramai ditangkap oleh Kerajaan, bolehkah beliau menerangkan kenapa tidak ada tangkapan dibuat ke atas pendatang haram atau pelawat yang tinggal lebih masa daripada Taiwan atau Hongkong? Apakah ianya kerana tidak ada kerjasama daripada kaumnya sendiri untuk memberitahu maklumat kepada pihak Kerajaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebelum tindakan menangkap dibuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, ianya terlebih dahulu mesti menerima maklumat yang diberikan oleh orang awam dan Kementerian Dalam Negeri banyak menerima maklumat dari orang awam mengenai pendatang haram dari Indonesia dan Thailand. Maklumat-maklumat inilah yang telah membolehkan Kementerian Dalam Negeri mengadakan tindakan dan menangkap ramai pendatang haram daripada Indonesia dan Thailand. Sebaliknya Kementerian Dalam Negeri tidak menerima maklumat daripada orang ramai mengenai pelawat-pelawat daripada Hongkong dan Taiwan yang tinggal lebih masa di negara ini, yang juga ditakrifkan sebagai pendatang haram.

Oleh kerana ketiadaan maklumat ini, maka pihak Kementerian Dalam Negeri sukar menangkap atau bertindak ke atas pelawat-pelawat dari Hongkong atau Taiwan yang tinggal lebih masa di negara ini atau bekerja lebih masa tanpa kebenaran. Saya mohon kerjasama daripada orang ramai melalui Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya memberikan maklumat kepada Kementerian Dalam Negeri mengenai

pelawat-pelawat dari Hongkong dan Taiwan yang tinggal lebih masa dan kami sedia memberi jaminan sebaik-baik sahaja maklumat ini diterima, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan untuk menangkap dan mengusir mereka dengan segera.

Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa seramai 2,086 orang telah pun dihantar ke negara asal masing-masing. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu siapakah yang membiayai penghantaran pendatang-pendatang haram itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayoh: Tuan Yang di-Pertua, penghantaran mereka adalah ditanggung oleh pendatang haram sendiri dan Kerajaan hanya membiayai perbelanjaan yang minima bagi pendatang-pendatang haram yang benar-benar daif.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata dan memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap pendatang-pendatang haram apabila mereka dikesani dalam perkara 8(c). Oleh kerana apabila soalan ini dikemukakan dan sampai sekarang sudah dekat dua bulan, mengapa pihak Kerajaan mengambil masa begitu lama untuk mendapatkan suatu siasatan maklumat, sama ada adakah pendatang-pendatang haram di Ulu Kratong. Kedua, adakah benar bahawa jaminan ini tidak begitu bermakna oleh kerana pada awal tahun ini apabila Jabatan Imigresen melancarkan kempen besar-besaran untuk menangkap dan menghalau pendatang-pendatang haram di sempadan Pahang dan Negeri Sembilan, gerakan ini diberhentikan atas arahan daripada Kementerian Dalam Negeri, apakah tujuannya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayoh: Tuan Yang di-Pertua, maklumat dan laporan haruslah diberi terus kepada Kementerian Dalam Negeri, tetapi apa yang telah dinyatakan dalam soalan ini adalah ditanyakan sedar atau tidak sedar, bukannya maklumat yang lengkap untuk Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan. Sungguhpun perkara ini telah diutarakan oleh Yang Berhormat berkenaan lebih awai iaitu selama 2 bulan, tetapi sampai ke Kementerian Dalam Negeri mungkin lewat dan ini bukan merupakan maklumat untuk Kementerian Dalam Negeri untuk bertindak.

BARANGAN UTAMA NEGARA—KEGUNAAN

9. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan harga bahan utama kita seperti kelapa sawit, koko getah dan bijih timah di pasaran antarabangsa adalah kurang stabil, apakah kajian-kajian yang diambil oleh Kerajaan untuk memperluaskan kegunaan bahan utama ini supaya kita dapat memproseskan bahan ini di dalam negara untuk menambahkan pendapatan negara.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan kegunaan barangan utama negara melalui kajian-kajian oleh agensi-agensi penyelidikan. Bagi kelapa sawit, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa sawit Malaysia (PORIM) meliputi kegunaan minyak kelapa sawit dalam bidang makanan dan bukan makanan serta kegunaan bahan-bahan sampingannya. Dari segi makanan, kajian yang telah dibuat termasuklah formulasi bagi majerin, minyak masak dan lemak untuk menggoreng. Shortening vanas pati

non-dairy creamers, ice-cream, gantian mentega koko, dengan izin, cocoa butter substitute dan vitamin E.

Dari aspek bukan makanan pula kajian termasuk products seperti sabun, bahan pencuci, bahan pelincir dan lilin, asid lemak sawit, minyak asid dan methal ester berasaskan sawit sebagai gantian diesel. Kajian juga dijalankan dalam kegunaan bahan sampingan kelapa sawit seperti batang kelapa sawit, tandan kosong, pelepah dan effluent untuk dijadikan blockboard, kertas, cement board dan baja.

Bagi koko pula pihak Kerajaan telah menggalakkan pemerosesan koko tempatan melalui usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI. Kajian-kajian telah dijalankan bagi meningkatkan penggunaan koko dalam pengeluaran chocolate, bahan confectionery dan sapan.

Bagi kegunaan getah asli pula kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Getah Asli Malaysia iaitu RRIM, termasuk mengubahsuai getah asli ke dalam bentuk baru yang mempunyai ciri-ciri teknikal, fizikal dan kimia yang tertentu supaya menggantikan getah tiruan dan plastik dalam pembuatan barangan-barangan tertentu.

Tiga bentuk getah asli yang telah berjaya direka ialah, dengan izin, hypothesised natural rubber, thermo plastic natural rubber dan rubber carbon black master batch. Satu lagi kajian yang dijalankan ialah memaju dan mengkaji barangan-barangan getah baru. Melalui proses pembuatan baru atau dengan cara pengubahsuaian beberapa kegunaan baru getah asli telah dikenalpasti seperti bantalan jambatan getah asli berlaminakan keluli, dengan izin, steel laminated natural rubber bridge bearing, bantalan gempabumi getah asli

berlaminakan keluli, dengan izin, steel laminated natural rubber earthquake vibration isolation bearing.

Kajian-kajian lain yang sedang dijalankan termasuk tayar yang dibuat 100% daripada getah asli, kekuda enjin, bantalan cartlest untuk motorbot, jaket pengapung untuk tentera laut. Barangan-barangan getah untuk kejuruteraan seperti alas landasan keretapi, lapisan dalam topi keledar, role-role, jubin getah asii dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan timah pula, kajian telah dijalankan dalam bidang kegunaan utama timah termasuk plate timah, pateri organotin dan alloy timah. Dalam bidang platetimah kajian-kajian telah dijalankan dalam bidang bukan pembungkusan, engan izin, non-packaging. Dalam jeket bateri kenng, kelengkapan dapur, penyukat cecair dan pawai balutan hitam bukan sinar untuk memungut kuasa solar. Dalam bidang pateri ~~iaitu~~ soldering, kajian-kajian dijalankan untuk meningkatkan penggunaan timah dalam pateri untuk industri elektronik dan penyantuman yang memerlukan paten bebas daripada pelambam.

Dalam bidang kimia, kajian-kajian dijalankan dalam compound organotin yang larut dalam air bagi rawatan kayu, sebatian timah dalam bahan-bahan pelarutan cat dan sebagai penahan api dan compound baru sebagai racun serangga, dengan izin, insecticide dan racun kulat, fungicide. Daripada hasil-penyelidikan yang dicapai, penggunaan barangan utama kita dapat terus diperluas dan dipertingkatkan melalui industri-industri berasaskan barangan utama di samping melalui penggunaan yang lebih banyak oleh industri-industri yang sedia ada'

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan pencapaian dan hasrat yang

begitu jelas, saya ingin dapat tahu sebab apa peruntukan yang telah diberi kepada institut-institut penyelidikan khususnya Tin Research Institute di London. Saya tidak ada angka-angka untuk lain-lain perbadanan, tetapi saya ada angka untuk International Tin Research Institute di London, peruntukan kepada perbadanan ini telah pun dikurangkan pada tahun 1987. Saya ingin dapat tahu, oleh kerana dengan kemerosotan ekonomi dalam bidang bijih timah ini kita harus memberi lebih banyak peruntukan kepada International Tin Research Institute dan saya ingin dapat tahu sebab apa peruntukan ini telah pun dikurangkan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan harus diberi lebih banyak kepada institut-institut yang menjalankan penyelidikan baik di dalam mahupun di luar negeri, tetapi malangnya, oleh kerana kemerosotan ekonomi, kita terpaksa mendapatkan peruntukan, seberapa yang diberi. Walau bagaimanapun Kementerian sedang berusaha mungkin untuk menaikkan kutipan ses untuk kita berikan kepada institut-institut yang terdapat di luar negeri, terutama sekali Institut Makmal Tun Abdul Razak yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mereka menjalankan penyiasatan bagi melebihi lagi kegunaan barangan utama kita di luar negeri.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh negara kita berkenaan dengan pemasaran di peringkat antarabangsa, khususnya kelapa sawit ialah masalah kurang keyakinan oleh negara-negara yang berkenaan, berkenaan dengan kelapa sawit ini digunakan sebagai bahan makanan. Contohnya, negara Iran tidak mengimport kelapa sawit

daripada negara kita oleh sebab mereka mengatakan kelapa sawit adalah tidak sesuai untuk menjadi bahan makanan, dengan lain perkataan, dengan izin, "not fit for human consumption". Jadi, dari segi penyelidikan yang dijalankan oleh PORIM, bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah bahan-bahan zat protin dan vitamin yang telah pun dikenalpasti daripada kelapa sawit ini?

Soalan yang kedua, dalam lawatan Yang Berhormat ke negara Iran baru-baru ini, dapatkah Yang Berhormat meyakinkan pihak berkuasa Iran bahawa kelapa sawit ini adalah satu bahan makanan yang mengandungi zat protin, vitamin dan sebagainya. Apakah hasil lawatan tersebut dari segi pesanan kelapa sawit daripada negara kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa negara Iran merupakan sebuah negara di dunia ini yang mengiktirafkan kelapa sawit keluaran Malaysia sebagai bahan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia. Dalam perkara ini kita telah menghantar beberapa misi teknikal sebelum lawatan saya baru-baru ini untuk meyakinkan pihak berkuasa di Iran bahawa sebenarnya kelapa sawit keluaran Malaysia adalah yang seelok-eloknya untuk dimakan oleh manusia. Insya Allah, selepas lawatan saya ke Iran baru-baru ini kita percaya bahawa kita boleh meyakinkan pihak berkuasa di Iran hanya kita hendak, dengan izin, "follow-up" lawatan saya itu. Saya tak dapatlah memberi angka pesanan kerana mereka masih lagi mengkaji dan kita telah pun menghantar sample-sample untuk mereka menjalankan kajian dan jika perlu, kita akan menghantar pegawai-pegawai teknikal untuk membantu mereka menjalankan kajian. Tetapi saya berasa yakin dan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, dengan izin Allah, kita

akan dapat menembusi satu pasaran yang agak besar kerana Iran masa kini menggunakan minyak makan sebanyak lebih kurang 400,000 ke 500,000 tan satu tahun.

PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL

10. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri memandangkan satu kenyataan telah dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Kerajaan Pusat akan memperuntukkan \$30 juta untuk pinjaman kepada penjaja-penjaja yang diperlukan bagi memperluaskan perniagaannya. Oleh yang demikian nyatakan:

- (a) langkah-langkah dan syarat-syarat ditetapkan kepada peminjam oleh Kerajaan atau badan-badan kewangan;
- (b) beberapa peminjam telah dapat pinjaman tersebut mengikut Negeri masing-masing; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah pinjaman tersebut pada masa depan jika ada, berapa dan jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Skim Pinjaman Khas sebanyak \$30 juta untuk penjaja dan peniaga-peniaga kecil telah dilancarkan secara rasminya pada 15hb Julai, 1986. Sejumlah \$30 juta yang diperuntukkan untuk skim tersebut telah dikeluarkan daripada kumpulan wang \$1 billion yang diperuntukkan untuk Tabung Pelaburan Baru (New Investment Fund). Kumpulan Wang tersebut telah disalurkan melalui Syarikat Jaminan Kredit (CGC) kepada 4 buah bank perdagangan yang mengambil bahagian (Bank

Bumiputra, Kwong Yik Bank, Malayan Banking dan UMBC, masing-masing mendapat \$7.5 juta) untuk dipinjamkan kepada peniaga-peniaga kecil dengan kadar faedah 4% setahun. Syarat-syarat yang lain adalah seperti berikut:

- (i) Peminjam hendaklah seorang warganegara Malaysia dan mesti mempunyai lesen/permit yang sah daripada pihak berkuasa untuk berniaga.
 - (ii) Tidak ada cagaran yang perlu daripada peminjam.
 - (iii) Had pinjaman maksimum untuk setiap peniaga-peniaga kecil adalah \$2,000 dengan tempoh maksimum pembayaran balik selama 3 tahun.
 - (iv) Peminjam-peminjam yang berjaya dikehendaki membuka akaun simpanan dengan bank yang berkenaan.
- (b) Sehingga 8-11-86 seramai 975 peminjam telah mendapat pinjaman di bawah skim tersebut dan pecahan mengikut Negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | Jumlah Peminjam |
|------------------------|-----------------|
| Wilayah Persekutuan .. | 160 |
| Johor.. .. . | 57 |
| Kedah | 111 |
| Kelantan | 21 |
| Melaka | 97 |
| Negeri Sembilan .. | 111 |
| Pahang | 38 |
| Pulau Pinang | 58 |
| Perak | 206 |
| Perlis.. .. . | 40 |
| Sabah | 14 |
| Sarawak | 17 |
| Selangor | 39 |
| Terengganu | 6 |

- (c) Oleh kerana skim tersebut telah dilancarkan lebih kurang 3 bulan yang lalu, adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada perlu ditambahkan lagi peruntukannya sekarang ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan pinjaman \$2,000 ini kepada setiap peminjam oleh kerana pembelian kelengkapan-kelengkapan seperti gerai-gerai dan kelengkapan yang lain untuk menjadi seorang peniaga mengandungi kos yang amat tinggi sekarang. Adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menambah ini supaya membolehkan peniaga boleh mendapati atau memperoleh kelengkapan-kelengkapan dengan lebih mudah?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, skim yang baru dilancarkan ini adalah skim yang kedua. Skim yang pertama ialah ada maksima sampai \$50,000 dan seseorang yang mohon lebih daripada \$2,000 adalah termasuk skim yang pertama yang dikenakan, kalau tak silap saya, 10% bunga; yang kedua sekarang ini hanya 4% sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah satu daripada syarat-syarat pinjaman bank-bank atau badan-badan kewangan adalah bahawa dua penjamin atau, dengan izin, "guarantor" diperlukan dan dengan jumlah yang begitu kecil ini amatlah susah untuk seorang penjaja mencari seorang "guarantor" yang boleh diterima oleh bank-bank tersebut. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar atas perkara itu? Kalau ya, adakah bercadang untuk membatalkan syarat-syarat ini?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam rancangan ini tidak ada "guarantor" yang diperlukan, hanya "referee", iaitu rujukan, bukan penjamin.

BANDUAN DALAM PENJARA

11. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau mengetahui keadaan yang teruk di dalam penjara-penjara negara ini kerana masalah terlalu ramai banduan; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya mengucapkan ribuan, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelutong kerana sudi mengambil berat atas masalah ini, tetapi berapa berat atas masalah ini, tetapi berapa beratlah mata memandang, berat lagi bahu yang memikul (*Tepuk*).

Kerajaan sememangnya mengetahui bahawa terdapat ramai bilangan banduan di dalam penjara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertambahan bilangan ini adalah disebabkan oleh pertambahan orang-orang yang terlibat dengan dadah. Mereka ini merupakan 46% daripada jumlah banduan yang ada di penjara.

Untuk mengatasi masalah itu, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan penagih dadah yang merupakan 23% daripada jumlah penghuni di penjara sekarang dipulihkan di pusat-pusat pemulihan. Di samping itu, Kerajaan juga sedang membina 4 buah penjara baru untuk menampung pertambahan bilangan banduan dan penjara-penjara tersebut ialah:

Penjara Marang, Terengganu dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 1990 yang boleh memuatkan seramai 1,500 orang;

Penjara di Penom, Pahang dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 1992 yang boleh memuatkan seramai 1,000 orang;

Penjara di Jelebu, Negeri Sembilan yang boleh memuatkan seramai 1,500 orang;

Penjara Simpang Renggam, Johor dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 1990 yang boleh memuatkan seramai 1,500 orang; dan

Penjara Kajang yang boleh memuatkan seramai 1,670 orang telah siap dibina akhir tahun 1985 yang lalu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau dapat mengesahkan bahawa Kementerian yang berkenaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah kesesakan dalam penjara?

Yang kedua ialah sama ada beliau sedar bahawa selain daripada banduan penagih dadah, banduan remand merupakan satu masalah yang besar juga dan sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengasingkan banduan-banduan remand ini ataupun mengadakan satu sistem di mana mereka yang melakukan kesalahan yang kecil tidak ada dipenjarakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji tentang masalah-masalah yang wujud di penjara pada hari ini dan jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri, daripada Penjara, daripada Polis, daripada Kementerian Kehakiman (Bahagian Dadah) dan juga daripada Kementerian Kewangan. Jawatankuasa ini akan mengkaji segala

masalah-masalah yang timbul seperti kesesakan banduan daripada luar negeri, masalah banduan remand yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi, banduan yang terlibat dengan dadah dan lain-lain masalah yang bersangkutan-paut dengan perkara-perkara yang kita bincangkan pada hari ini.

FERI MALAYSIA/HARGA KAPAL

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah yang digunakan untuk memperkenalkan projek Feri Malaysia;
- (b) berapakah jumlah pembayaran harga untuk kapal "Cruise Muhibah" dan berapakah usia kapal tersebut; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengurangkan tambang perjalanan menggunakan Cruise Muhibah memandangkan terdapat beberapa aduan tambangnya terlalu tinggi dan ini berlawanan dengan matlamat meningkatkan perpaduan kebangsaan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk projek Feri Malaysia ialah sebanyak \$42 juta.

Harga kapal Cruise Muhibah ialah \$32.91 juta dan ia sekarang ini berusia 16 tahun.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, buat masa ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk menurunkan tambang Feri Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Sebenarnya kadar tambang yang dikenakan oleh pihak Feri Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya adalah 30% lebih rendah daripada

kadar tambang kapal terbang. Struktur tambang yang disediakan ini adalah mengikut kelas dan pada kadar yang paling rendah yang boleh ditawarkan. Kadar ini pun agak sukar untuk menampung kos operasi sebenar walaupun dengan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan.

Selain daripada kadar tambang ini, pihak Feri Malaysia ada juga memberi potongan harga istimewa di antara 10% hingga 50% kepada para pesara, orang-orang cacat, penuntut-penuntut dan rombongan-rombongan besar. Potongan istimewa ini akan dijalankan secara berterusan.

Sebagai usaha penggalakan (promotion) untuk mempopularkan Feri Malaysia, pihak Syarikat Feri Malaysia menawarkan diskaun/tambang istimewa dari masa ke semasa, misalnya diskaun istimewa sebanyak 30% ditawarkan dari sekarang hingga hujung tahun 1986. Sepanjang bulan Oktober yang lalu tawaran istimewa diberi kepada penumpang-penumpang dari Kuantan-Kuching-Kota Kinabalu-Kuantan dengan tambang sebanyak \$350 selama 6 hari dan bayaran ini termasuklah kos makanan, tempat tidur di atas kapal dan pengangkutan di darat iaitu dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kuantan pergi balik. Dengan ini jelas bahawa Feri Malaysia sentiasa memikirkan tentang kos-kos yang boleh dibiayai oleh penumpang-penumpang dan cara bagi menggalakkan lebih ramai lagi penumpang menggunakan Feri Malaysia untuk saling kunjung mengunjungi ke Sabah/Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Feri Malaysia bercadang untuk memperkenalkan satu kadar tambang baru iaitu deck passage, dengan izin, yang mana seorang boleh pergi ke Sabah dan Sarawak dari Kuala Lumpur dan sebaliknya dengan membayar satu bayaran minima seperti

\$50 sahaja, tetapi penumpang itu tidak dibenarkan untuk menggunakan bunk ataupun kemudahan-kemudahan tertentu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa sebab untuk perjalanan Cruise Muhibah terganggu atau terputus pada bulan Oktober lalu ialah bahawa kapal itu sudah tua, iaitu berusia 16 tahun. Saya pun tak tahu mengapa perjalanan itu terputus ataupun sama ada kapal itu menjadi sedikit "sakit" dalam enjinnya sahaja. (Ketawa)

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama mengenai pembayaran yang paling murah, iaitu \$50 yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching, perkara ini sebenarnya sedang dipertimbangkan oleh pihak berkuasa Feri Mataysia dan kemungkinan kita akan adakan, mungkin di antara \$50 hingga \$100 untuk orang-orang yang tidak mempunyai kewangan yang banyak seperti, saya fikir murid-murid sekolah. Mereka ini dipanggil sebagai deck passengers. Ini adalah dalam perhatian pihak berkuasa Feri Malaysia.

Untuk menjawab soalan yang kedua, memang sudah diketahui bahawa Cruise Muhibah ini sudah tua, iaitu berusia 16 tahun dan biasanya kapal seperti ini mempunyai life span lebihkurang 25 hingga 30 tahun. Harga yang dibayar adalah lebihkurang 45% daripada harga kapal yang baru. Jadi, tiap-tiap satu kapal yang sebesar seperti ini walaupun sudah tua ataupun baru memang mempunyai satu-satu masalah dan ini tidak terlari dahpada kemungkinan ataupun apa yang telah beriaiku kepada Feri Malaysia sendiri.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kuching, Cruise Muhibah ini sekarang sedang berjalan dan "penyakit" yang dialaminya sedang diurus dan akan diperbaiki dengan secepat mungkin.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang, sebagai satu langkah untuk menarik lebih penumpang-penumpang dan sebagai satu langkah memperkuat integrasi nasional supaya Feri Malaysia boleh, selain dari Pelabuhan Kuantan, boleh singgah di Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang dan sebagainya, memandangkan bahawa Kuantan adalah satu tempat yang jauh dan tidak berapa sesuai untuk penumpang-penumpang di Semenanjung Malaysia yang bennastautin di Pantai Barat?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Rasah adalah dalam perhatian Kerajaan dan sekarang ini pihak Feri Malaysia sedang membuat satu kajian yang menyeluruh tentang perkhidmatan Feri Malaysia. Ini akan dibuat keputusan apabila kita mendapat laporan yang lanjut daripada pihak Feri Malaysia kelak.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

13. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar dan langkah yang telah diambil untuk mengawasi nilai ringgit Malaysia supaya kepentingan ekonomi negara terpelihara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, nilai ringgit adalah berasaskan kepada sekumpulan matawang rakan dagangan utama negara. Naik atau turunnya nilai ringgit adalah bergantung kepada faktor bekalan dan permintaan di pasaran pertukaran asing dan keadaan ekonomi negara. Oleh itu Kerajaan telah berusaha untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara dan dengan itu juga menjamin kekukuhan nilai ringgit.

Tindakan-tindakan untuk mengukuhkan nilai ringgit telah pun dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini di dalam beberapa jawapan mengenai nilai ringgit dan juga dihuraikan dengan panjang lebar dalam Laporan Ekonomi 1986/1987.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG

14. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pengangkutan menyatakan semenjak Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas diadakan dengan bangunan dan landasan yang baru boleh dikatakan selalu diadakan "resurface" landasan kapal terbang untuk mendarat:

- (a) adakah kejadian ini berlakunya kerana kurang kepakaran pihak jurutera perunding dan juruteknik yang tidak membuat kajian rapi sebelum ini; dan
- (b) baru-baru ini sekali lagi "resurface" dijalankan, berapakah jumlah kos "resurface" tersebut.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Kerja-kerja penurapan yang dijalankan bagi membaiki landasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, bukanlah timbul kerana kurangnya kepakaran dan kajian rapi dari segi kejuruteraan semasa kerja-kerja pembinaan dahulu. Keadaan landasan tersebut yang menghadapi masalah retak-retak semenjak pembinaan dalam tahun 1979 adalah merupakan kejadian yang sememangnya diramalkan akan berlaku selepas pembinaan. Ini ialah kerana tanah di kawasan

tersebut adalah lembut iaitu dahulunya bekas tapak sawah. Oleh yang demikian rekabentuk dan konsep bagi pembinaan telah mengambil kira masalah keadaan tanah tersebut iaitu kerja-kerja pembaikan dan penurapan landasan perlu diadakan dari masa ke semasa untuk mengatasi kesan-kesan pemendapan tanah yang berbeza atau, dengan izin, differential settlement. Pihak Juruperunding yang berkenaan telah memaklumkan bahawa kadar dan proses pemendapan tanah itu akan berkurangan dan bertahan selepas tempoh masa yang tertentu.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan keadaan retak-retak yang berlaku di beberapa kawasan landasan berkenaan telah dijalankan dari semasa ke semasa semenjak landasan itu siap dibina, kerja-kerja penurapan semula bagi keseluruhan landasan hanya dilakukan sekali sahaja iaitu pada bulan Mei 1985 dan siap dilaksanakan di bulan Mei 1986. Kerja-kerja berkenaan telah melibatkan perbelanjaan sebanyak \$7.8 juta.

BANGUNAN MAHKAMAH/ LANTIKAN HAKIM

15. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan reaksi Kerajaan terhadap teguran-teguran oleh bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Suffian di Kuala Lumpur pada 17hb September, 1986 bahawa Kerajaan tidak sanggup mengeluarkan perbelanjaan untuk membina bangunan mahkamah serta melantik lebih ramai hakim-hakim, Yang Dipertua Mahkamah dan

Majistret. Adakah Kerajaan bertujuan untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Tun Suffian,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa Kerajaan tidak sanggup mengeluarkan perbelanjaan untuk membina bangunan Mahkamah baru serta melantik lebih ramai Hakim-hakim, Yang Dipertua Mahkamah Sesyen dan Majistret adalah kurang tepat. Kerajaan adalah sentiasa berikhtiar untuk mengatasi apa jua masalah yang berkaitan dengan Mahkamah. Kerajaan berhasrat untuk membina bangunan-bangunan baru Mahkamah yang telah pun dirancangkan bagi Rancangan Malaysia Kelima. Namun begitu, oleh kerana keadaan ekonomi negara, Kerajaan tidak dapat meluluskan sebahagian daripada projek-projek Mahkamah bagi Rancangan tersebut.

Berhubung dengan perlantikan Hakim-hakim dan Yang Dipertua Mahkamah Sesyen untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang ada, perkara ini sebenarnya tidak menjadi masalah dari segi perbelanjaan, manakala kedudukan jawatan-jawatan yang ada sekarang adalah memuaskan. Bagi jawatan-jawatan Majistret pula, perlantikan Pegawai Undang-undang baru bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut adalah dibuat dari masa ke semasa. Kekosongan jawatan Majistret yang ada sekarang akan diisi tidak lama lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jawapan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada beliau sedar bahawa kes-kes yang telah dijalankan di Mahkamah adalah begitu tambat oleh kerana kekurangan Hakim-hakim ataupun Majistret-majistret dan ada terdapat kes-kes yang dilanjutkan sehingga 5

tahun atau 6 tahun yang tidak dapat dibicarakan? Oleh kerana itu jikalau tindakan untuk menambahkan Hakim-hakim, Presiden-presiden Mahkamah ataupun Majistret-majistret tidak boleh dijalankan dengan secepat mungkin, maka kes-kes yang ada sekarang ini akan dilanjutkan sehingga 10 tahun atau 20 tahun dan tidak dapat dibicarakan. Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan itu menyatakan apakah langkah-langkah yang positif dapat dijalankan supaya perkara ini dapat diatasi?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara ini tetapi kes-kes yang dipostponed sampai 5 tahun adalah bukan kerana kekurangan Hakim-hakim sahaja, peguam swasta sendiri pun selalu minta postponement kes-kes ini. Sebab itu saya berharap para peguam swasta mestilah bekerjasama dengan Mahkamah supaya kes-kes dapat dijalankan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 16 adalah diberi di bawah ini)

PENGECEUALIAN CUKAI IBUBAPA

5. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam negara progresif di seluruh dunia terdapat pengecualian cukai bagi ibubapa-ibubapa yang bergantung kepada anak-anak mereka, dan sama ada beliau akan memberi pengecualian sedemikian kepada pembayar-pembayar cukai di negara ini, jika tidak, nyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak akan berbuat demikian.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelepasan cukai sebanyak \$5,000 yang diberi kepada seseorang pembayar cukai sekarang ini sebenarnya adalah terdiri daripada pelepasan untuk diri sendiri sebanyak \$4,000 dan pelepasan untuk tanggungan termasuk ibubapa sebanyak \$1,000. Dengan itu pemtukan sekarang telah pun memberi pelepasan kepada pembayar-pembayar cukai yang mempunyai ibubapa-ibubapa yang bergantung kepada mereka. Kalau itulah menjadi ukuran negara progresif, kita sudah pun progresif.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR

16. Tuan Mohd Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa beberapa orang Menteri Pelajaran sebelum ini telah memberi pengakuan iaitu sebuah Sekolah Kebangsaan akan dibina di Telok Kumbar. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan bila pelaksanaan projek tersebut hendak dimula. Sekolah-sekolah Menengah yang ada sekarang di kawasan Bayan Lepas tidak lagi dapat menampung pelajar Sekolah Menengah yang dimaksudkan itu ialah Sekolah Menengah Raja Tun Uda dan Sekolah Menengah Sungai Ara.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah pun merancang untuk membina sebuah sekolah menengah baru di Telok Kumbar dan telah dituluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Kelima kerana masalah kekurangan peruntukan. Oleh kerana kedudukan

kewangan yang kurang memuaskan, Kementerian ini belum lagi dapat menentukan tempoh masa pelaksanaan sekolah yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah menengah yang sedia ada sekarang, iaitu Sekolah Menengah Raja Tun Uda dan Sekolah Menengah Sungai Ara masih lagi dapat menampung keperluan pelajar-pelajar.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keenam*)

*Majlis bersidang daiam
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.20 (Jaduat)—

*Maksud P.20 (Anggaran
Pembangunan 1987)—*

Tuan Pengemsi (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat dari Petaling Jaya menyambung ucapan.

3.38 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, saya menyambung ucapan saya. Semasa saya diberhentikan semalam, saya ada menyentuh satu misalan di mana syarat-syarat, undang-undang dan peraturan-peraturan pelaburan selalu ditukar menukar iaitu misalannya, Rothmans (Malaysia) Berhad. Pada satu skim penyusunan semula ekuiti sahamnya, pemilikan saham orang bumiputera ditingkatkan daripada paras 4% kepada 30% tetapi pemilikan orang yang bukan bumiputera dturunkan daripada paras 19.7% kepada hanya 8.6% sahaja. Tetapi pemilikan satu syarikat international iaitu Rothmans International Ltd. dipertahankan pada paras 50% dengan tidak berbeza. Maka skim penyusunan semula ekuiti saham ini menimbulkan pertanyaan-pertanyaan iaitu, untuk kepentingan siapakah kita beri perlindungan?

Adakah di sini kita beri perlindungan kepada kepentingan satu syarikat antarabangsa iaitu Rothmans International Limited yang pun juga semalam diberitahu adalah satu syarikat pemilikan dan kepentingan orang dari negara Afrika Selatan, iaitu South African interest, dengan izin. Mengapa kepentingan dan pemilikan orang bukan bumiputera tempatan diketepikan, dikurangkan dan kepentingan orang antarabangsa, orang daripada satu negara yang mengamalkan dasar apartheid diberi

kepentingan, diberi perlindungan? Adakah kita pun juga jadi satu negara apartheid di mana kita pun sekarang mendiskriminasikan antara orang bumiputera dan bukan bumiputera? Adakah kita juga sudah mengikut dasar apartheid? Sebab kita sudah berpakat atau berkongsi dengan mereka dalam satu syarikat tempatan iaitu Syarikat Rothmans (Malaysia) Bhd. Saya tahu ini adalah semacam satu lencongan, satu deviation, dengan izin, satu penyelewengan Dasar Ekonomi Baru, fasal dalam Dasar Ekonomi Baru, tujuan-tujuan dan objektifnya adalah berhasrat menepati 30% untuk orang bumiputera, 40% untuk orang yang bukan bumiputera tempatan dan 30% untuk pelabur-pelabur asing. Inilah satu contoh yang dikatakan semalam dalam suratkhbar yang saya baca, kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan dia tidak tahu di mana ada deviation DEB. Ini adalah satu contoh deviation atau lencongan ataupun penyelewengan DEB.

Saya minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa mereka memberi izin kepada satu skim penyusunan semula ekuiti saham Rothmans (Malaysia) Bhd. sebegini. Mengapa Ketua Pemuda MCA iaitu bekas Yang Berhormat, Encik Kee Yong Wee pada masa itu menjadi seorang Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga memberi izinnya kepada satu skim di mana kepentingan orang yang bukan bumiputera dan yang terpentingnya pemilik Cina dikurangkan daripada 19.7% kepada 8.6% sahaja.

Juga saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu Yang Berhormat dari Selandar, mengapa dia sendiri sebagai seorang yang mengetuai satu delegasi daripada MCA pada masa itu pergi berjumpa Pengarah-pengarah Rothmans (Malaysia) Bhd sampai hari

ini hanya berdiam sahaja dan tidak memberikan satu penjelasan yang tepat, yang baik untuk masyarakat yang bukan bumiputera sampai hari ini. Juga dia ada diberi kesempatan melalui perlantikannya sebagai seorang Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk mengambil tindakan melarang skim penyusunan ini sebab skim penyusunan ini dikuatkuasakan pada bulan November sahaja dan dia dilantik selepas pilihanraya umum pada bulan Ogos. Saya mencadang kalau semua jawapan tidak memuaskan hati semua orang yang bukan bumiputera dan syarikat yang bukan bumiputera, saya minta saudara Yang Berhormat dari Selandar meletakkan jawatannya sebagai seorang Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Inilah sebab yang kedua dia patut meletakkan jawatan jika dia tidak memberi jawapan yang jelas dan tepat.

Sebab yang pertama rakan seperti saya telah berikan semalam atas perkara Rothmans International Ltd, Tetapi ini bukan satu isu pemilikan sahaja. Ini adalah satu isu yang saya katakan mengurangkan keyakinan kepercayaan pelaburan di negara ini. Isunya ialah tukar menukar dengan selalunya syarat-syarat, undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan pelaburan dalam negara ini. Untuk apa? Untuk tujuan kepentingan tertentu sahaja, tujuan untuk berfaedah kepentingan tertentu sahaja. Seperti kita dapati dalam kes skandal UMBC, syarat-syarat Akta Banking, syarat-syarat dalam FIC, dengan izin, Foreign Investment Committee dan dengan izin juga, Capital Issues Committee semua ditukar-menukar untuk berfaedah seorang iaitu dalam kes skandal UMBC iaitu, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan isteri-isterinya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, semalam saya dihentikan selepas dua minit sahaja, ikutlah Penyata Rasmi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 6.27 semalam.

Dr Eng Seng Chai: Ya, saya diberhentikan selepas 3 minit

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 3 minit dari sana dan 7 minit sekarang.

Dr Eng Seng Chai: 5 minit lagi, Tuan Pengerusi. Saya hendak tegaskan, kita tidak boleh meningkatkan keyakinan atau kepercayaan bakal pelabur di dalam negara ini kalau kita selalu menukarkan insentif, menukarkan syarat-syarat sahaja. Yang perlu, yang pasti adalah satu nekad, satu azam, satu tenaga politik mengurangkan, meredakan korupsi moral sebegini untuk mengeneipkan pengaruh-pengaruh politik, pengaruh-pengaruh pihak-pihak tertentu sahaja. Sepatutnya kita pulangkan ke lapangan asas ekonomi sahaja dan di satu forum di Universiti di Fakulti Economics dan Business Administration, dengan izin, pun kita dapat "practise more economics" dan "bukan politics".

Inilah satu seruan dan saranan yang saya hendak berikan kepada Menteri dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu perlulah kita balik kepada lapangan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dan saya mencadang sebagai satu langkah pertama, kita balik kepada lapangan dasar-dasar dan tujuan-tujuan objektif Dasar Ekonomi Baru dan kita patut paksa Rothmans International Ltd menjualkan semua kepentingannya, pemilikannya, kepada pemilik-pemilik tempatan. Dan jika dia tidak berbuat demikian, Kerajaan mesti mengambil tindakan menghadapkan syarikat ini, dan paksa mereka membuatnya. Dan jika Kerajaan tidak buat begitu, saya minta semua pertubuhan-pertubuhan

dan rakyat-rakyat yang cintakan negara ini memulaukan semua keluaran, semua produk-produk daripada Syarikat Rothmans (Malaysia) Bhd.

Kita patut tunjuk perasaan, satu demonstrasi di hadapan syarikat dan kilang Rothmans (Malaysia) Bhd di Petaling Jaya. Saya minta, saya menyeru semua pihak yang cintakan negara ini janganlah kita berkongsi, berpakat dengan kepentingan apartheid dan kita suruh Kerajaan kita juga jangan berpakat dengan kepentingan apartheid.

3.46ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, Butiran 030000—Penggalakan Perindustrian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat?

Tuan Lim Kit Siang: 100. Tuan Pengerusi, dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan, saya harap bahawa pihak Kerajaan akan mengakui kenyataan dan hakikat bahawa selain daripada krisis keyakinan diatasi, kita tidak boleh membuat satu landasan yang kukuh untuk mencapai pemulihan ekonomi atau economic recovery.

Dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan ada berkali-kali menafikan bahawa ada krisis keyakinan dan bahawa ini dicipta oleh pihak kita sebelah sini, pihak Pembangkang. Saya sangat mengambil minat bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Zain Azrai, dua hari dahulu ada mengakui ada krisis keyakinan dan Kerajaan sedang dalam proses cuba untuk mengatasi krisis keyakinan.

Saya rasa kita tidak boleh mengatasi krisis keyakinan kecuali Menteri-menteri berani mengakui ada krisis keyakinan dan kenapa menimbulkan

krisis keyakinan, oleh kerana kalau tidak, bagaimana kita boleh menarik pelabur-pelabur baik pun orang asing atau tempatan untuk melabur modal mereka. Kalau tidak, itu adalah satu tindakan yang self-defeating.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah masalah yang pokok dan kita jangan lari daripada masalah ini. Oleh kerana kita menghadapi satu krisis ekonomi, semua usaha-usaha Kerajaan perlu ditumpukan untuk masalah ini. Dengan sebab itu, jangan kita mengambil tindakan-tindakan yang di mana sebenarnya akan menakutkan pelabur-pelabur tempatan atau dari luar negeri, seperti Undang-undang Orricials Secrets Act. Saya tidak mahu anticipate debate, tetapi ini tentu akan menakutkan pelabur-pelabur dan perbuatan-perbuatan, ucapan-ucapan perkauman yang extremist berlaku baru-baru ini.

Saya akan mengesyorkan bahawa satu sidang kemuncak atau, dengan izin, "economic summit" dipanggil di mana wakil-wakil Kerajaan, pekerja-pekerja, pelabur-pelabur, pengusaha-pengusaha boleh bersidang dua hari, tiga hari untuk mencapai satu muafakat atau satu persefahaman atau satu formula di mana semua boleh bekerjasama untuk memulihkan ekonomi negara kita, satu "economic summit" dengan izin, di mana menunjukkan semua ada peranan dan tanggungjawab dan oleh kerana satu kesilapan yang besar yang kita menghadapi di negara kita ialah sikap Kerajaan bahawa Kerajaan, dengan izin, "know-all", apa pun tahu, apa pun faham, dan akhirnya malapetaka atau disaster sudah berlaku di negara kita.

Tuan Pengerusi, di sini saya mahu sebut mengenai P.20, Butiran 00200 muka surat 101, TDC. Satu contoh lagi di mana sungguhpun Kerajaan ada usaha untuk menarik pelancong menjadi satu perusahaan yang boleh

mendapat pendapatan kepada negara kita tetapi selalu Kerajaan pun dengan izin, "self-defeating"; tindakan-tindakan yang "self-defeating".

Satu contoh yang baik ialah dalam bulan Februari, Mac dan April 1985 di mana ada Persidangan PATA di mana Kerajaan sudah curahkan berjuta-juta ringgit supaya Malaysia boleh menjadi satu cynosure, satu tumpuan, tempat pelancongan di dunia. Tetapi apa yang berlaku? Bom-bom, kejadian yang berlaku di Sabah, malam-malam ada tunjuk dalam televisyen-televisyen seluruh Eropah, Amerika dan bukan menari pelabur-pelabur tetapi menakutkan pelancong-pelancong. Apa yang kita dapat? Negative, tidak mencapai tujuan kita mengadakan atau menjadi tuan rumah Persidangan PATA di Malaysia tetapi sebaliknya lebih nnegative. Adakah pemimpin-pemimpin atau pegawai-pegawai Kementerian berkenaan tidak faham, tidak tahu perkara yang begitu basic bahawa semua usaha-usaha dalam PATA Conference menjadi kosong. Patut faham! Inilah satu contoh di mana saya harap bahawa Kerajaan bolehlah ambil tindakan supaya tidak membenarkan tindakan-tindakan politik negative untuk "nullify", untuk menidakkan semua usaha-usaha untuk menarik pelabur-pelabur atau pelancong-pelancong.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sebut muka surat 99 Pendaftaran Syarikat, Butiran 020400. Saya harap bahawa Pendaftaran Syarikat boleh memainkan peranan yang sewarasnya. Sepatutnya untuk menjaga bahawa syarikat-syahkat di negara kita tidak menyeleweng daripada apa yang termaktub dalam undang-undang, satu syarikat MAMINCO, syarikat Kerajaan yang selepas diperbadankan, incorporated dalam tahun 1981 tidak pernah menghantar penyata tahunan, akaun tahunan sejak tahun 1982, 5 tahun.

Kenapa Pendaftar Syarikat tidak menguatkuasakan apa yang termaktub dalam Akta Syarikat? Adakah satu-satu jenis syarikat semacam MAMINCO \$2.00 sahaja dikecualikan daripada undang-undang "super creature", tanpa kawalan Parlimen dan tidak perlu mengikut undang-undang.

Saya mahu tahu bila Pendaftar Syarikat akan mengarahkan MAMINCO bahawa patutlah mengikut undang-undang dan present penyata-penyata dan akaun-akaun tahunan untuk semua tahun sejak tahun 1981 dan apa tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang sudah cuai ini.

Kalau syarikat-syarikat Kerajaan boleh buat begitu yang tidak hiraukan undang-undang, siapa kita akan kalau "ethic business" di negara kita begitu rendah, dan "ethic business, ethic politico-business men" yang didapati di dalam lapisan tinggi MCA-UMNO, ethic mereka begitu rendah, mengapa? Oleh kerana syarikat-syarikat Kerajaan pun begitu rendah, mengapa? Dan saya harap bahawa kita boleh dapat satu arahan, satu jaminan bahawa MAMINCO, PETRONAS dan lain-lain atau semuanya akan mematuhi keperluan-keperluan dalam semua undang-undang. Bahawa akan dibuat dalam suatu masa, ditetapkan satu bulan, dua bulan. Kalau tidak, Yang Berhormat Menteri bila balik ke Dewan_ini akan disoalkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhonnat dari PadangTerap.

3.56 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada muka surat 99, Maksud Bekalan B.20 iaitu Butiran 020200, tajuk Perdagangan Antarabangsa.

Di dalam usaha kita mengubah struktur ekonomi kita kepada struktur perindustrian, kita perlu menukar isi

perdagangan itu daripada bersifat simple kepada yang bersifat lebih sophisticated, dengan izin. Atau di dalam kata-kata lain, kita mesti meningkatkan nilai bertambah barang dagangari kita itu. Peningkatan nilai bertambah ini tidak semesti semuanya di dalam bentuk barang-barang siap. Malahan di dalam konteks perdagangan di antara negara-negara ASEAN sendiri kebanyakan barang dagangan ini semestinya barang-barang "intermediate" atau separuh siap. Melalui cara ini dapatlah negara-negara ASEAN mempertingkatkan "economic complementarity" dengan izin, di antara mereka. Ini perlu jika kita bercadang hendak mengadakan ASEAN Common Market, dengan izin, kerana negara-negara ASEAN mengeluarkan barang dagangan yang sama.

Oleh itu, projek-projek seperti kereta ASEAN, dan kemungkinan kapal terbang ASEAN dan lain-lain yang mana tiap-tiap negara terlibat di dalam pengeluaran bahagian-bahagian adalah penting. Pengwujudan "complementarity" dengan izin, secara sengaja atau "induced complementarity" ini perlu dipupuk dan diusahakan secara senus oleh negara-negara ASEAN andainya matlamat pembangunan dan ikatan ekonomi untuk mereka hendak dicapai.

"Complementarity" yang sengaja diwujudkan ini mempunyai potensi kemajuan yang baik memandangkan pasaran dalam negara-negara ASEAN sendiri pun melebihi 300 juta umat manusia. Dan yang lebih penting "purchasing power", dengan izin, di dalam pasaran ASEAN ini adalah lebih tinggi dari apa yang terdapat di India atau di Republik Rakyat China.

Tuan Pengerusi, jikalau kita memandang ke arah pasaran dunia pada keseluruhannya pula, kita perlu meneliti satu lagi corak perdagangan. Corak perdagangan ini telah saya sebut

di dalam ucapan perbahasan am Budget pada 28hb Oktober yang lalu. Malangnya, ia tidak mendapat "response" daripada pihak Kementehaan di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri. Ianya merangkum pemindahan teknologi yang berterusan melalui "inter-industrial trade", misalnya, negara-negara seperti Jepun, Britain atau USA memindahkan teknologi mereka ke negara kita untuk pembuatan bahagian-bahagian mesin atau apa-apa barang sekalipun yang mana kita mempunyai "comparative advantage" dengan izin. Dan aktiviti ini tidak berhenti di situ, malahan pemasangan barangan siap itu juga boleh dilakukan di negara kita untuk pasaran rantau ini. Dengan cara ini satu ikatan yang berterusan dapat diwujudkan di dalam industri yang berkenaan di mana kita juga dapat menikmati manfaat jumpaan-jumpaan teknologi baru.

Cara pemindahan teknologi pada masa ini tidak mempasti bahawa kita akan terus dapat manfaat daripada kemajuan teknologi yang terakhir. Mungkin teknologi yang dipindahkan kepada kita akan menjadi "obsolete", dengan izin, di dalam masa yang singkat.

Tuan Pengerusi, di dalam bidang perdagangan antarabangsa ini juga, saya ingin menyentuh usaha-usaha kita mencari pasaran di luar negeri. Saya bangga dengan usaha Kementerian Luar yang meorientasikan semua pegawai-pegawai Kedutaan kita ke arah perekonomian dan perdagangan. Tetapi adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga berbuat demikian? Saya bimbang nanti para Duta dan pegawai-pegawainya mengurangkan aktiviti koktail partinya, Persuruhjaya-persuruhjaya Perdagangan kita pula disebaliknya.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Persuruhjaya-persuruhjaya Perdagangan kita mempunyai

pengetahuan dan pengalaman yang cukup di dalam bidang ini. Dari apa yang diperhatikan umum, ini tidak semestinya.

Selain dari mengambil pegawai di dalam Perkhidmatan Kerajaan, saya cadangkan Persuruhjaya-persuruhjaya ini diambil dari sektor swasta sebagai pegawai pinjaman, dengan itu kita dapat menambahkan lagi keluhuran usaha-usaha kita ini.

Saya juga meminta supaya Kementerian menyediakan alat kelengkapan yang cukup kepada Persuruhjaya-persuruhjaya ini. Alat yang penting ialah mesin telex. Saya dapati banyak Pejabat-pejabat Persuruhjaya tidak mempunyai mesin ini. Saya masih ingat tiga tahun yang lalu di Pejabat Persuruhjaya Perdagangan kita di Tokyo tidak dapat berhubung secara berkesan dengan negara kita. Perhubungan surat-menyurat sahajalah yang ada padanya. Ini mengambil masa lebih kurang satu minggu. Ini tentu sekali menjejaskan proses perhubungan dan proses pembuatan keputusan yang cepat, justeru itu perdagangan kita terjejas.

Tuan Pengerusi, saya rujuk pula kepada muka surat 100, Butiran 030100 di bawah tajuk Kemajuan Perindustrian. Di dalam ucapan saya pada 28 November dahulu saya ada sebutkan mengenai perlunya Kerajaan menyalurkan industri-industri kepada wilayah-wilayah miskin bukan hanya menumpukan sahaja kepada corridor perindustrian seperti dicadangkan di dalam Pelan Induk Perindustrian Negara. Di dalam hal ini saya mengambil peluang lagi sekali menyeru Kerajaan supaya mengarahkan institusi-institusi penyelidikan seperti MARDI, RRIM, Lembaga Penyelidikan Kehutanan supaya memberi lebih perhatian kepada memajukan dengan lebih pesat lagi proses-proses pembuatan barangan dari bahan-bahan tempatan. Protensi mengetin bahan-bahan

makanan tempatan masih belum dieksploitasikan sepenuhnya. Begitu juga dengan pembuatan barangan dari getah dan barang hutan kita. Permintaan dalam negara sendiri pun banyak dan ditambah dengan permintaan luar. Potensi pengeluaran adalah lebih tinggi dari apa yang kita jangkakan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya tidak nampak apa-apa diperuntukkan untuk pemasaran di dalam Kementerian ini. Kementerian ini patut mengambil alih usaha pemasaran luar barangan-barangan negara kita dari Kementerian Perusahaan Utama yang pada tahun sudah diperuntukkan sebanyak \$130 juta lebih tetapi pada tahun ini dikurangkan sebanyak lebih dari \$100 juta. Kalau kita hendak menjadikan negara ini negara perindustrian, satu usaha pemasaran yang gigih patut diadakan oleh Kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.04 *ptg.*

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 99, Butiran 02100, Aktiviti Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

Tuan Pengerusi, apabila kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya barangan yang telah dibuat dalam negeri kita oleh pengusaha-pengusaha kilang, kita dapati ada beberapa jenis barangan yang telah dibuat oleh pengusaha-pengusaha kilang kita tetapi malangnya apabila kita mengkaji pasaran barang-barang ini, kita dapati pasarannya begitu terhad oleh kerana publicity ataupun pengumuman di negara kita dan negara-negara lain begitu kurang dari segi aktiviti publicity. Oleh itu, jika mengkaji, kita

dapat tahu ada satu buku sahaja iaitu "Buku Merah", dengan butir-butir mengenai pengusaha-pengusaha dan juga kilang-kilang yang membuat barang-barang dalam negara kita.

Apa yang kita hendak ialah seperti negara-negara maju yang telah menerbitkan Trade News", dengan izin, ataupun majalah-majalah yang mengumumkan semua barangan yang telah dibuat dalam negara itu kepada semua pengguna-pengguna, bukan sahaja dalam negara itu tetapi juga daripada pengguna-pengguna dalam negara-negara lain antarabangsa. Oleh itu, saya ingin memohon dan merayu kepada pihak Kementerian yang berkaitan untuk mengumumkan satu majalah ataupun satu "trade news" yang boleh menerbitkan semua barang-barang yang sedang dibuat dalam negara kita, oleh kerana baru-baru ini, saya terpaksa mencari satu "ball bearing", dengan izin, yang sampai masa kini kita harus mengimport daripada luar negeri. Tetapi apabila saya mengkaji dengan sedalam-dalamnya hanya ada satu kilang dalam negara kita yang membuat "ball bearing" ini Tetapi oleh kerana kita sudah membuang masa yang begitu panjang untuk mencari suatu barang yang telah dibuat dalam negara kita, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk mencari jalan bagaimana pasaran barang-barang yang telah dibuat dalam negara kita boleh dinaiki dari segi pasaran ataupun boleh dimajukan lagi.

Seterusnya saya merujuk kepada Program 020200 Perdagangan Antarabangsa.

Saya dapati baru-baru ini ada pihak berkenaan yang telah mengambil tindakan untuk memasarkan kereta kita sebagai kereta ASEAN. Kita mengalu-alukan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan. Tetapi nampaknya apabila kita

mengkaji sedalam-dalamnya pencapaian untuk mendapatkan satu ASEAN Common Market, kita dapati selama ini, saya rasa lebih kurang 10 tahun lamanya, perbincangan yang telah dijalankan sampai masa ini tidak memberi apa-apa kemajuan dari segi ASEAN Common Market ini.

Saya ingin memohon kepada Kementerian berkenaan tanpa satu ASEAN Common Market, pasaran barang-barang buatan Malaysia, bukan sahaja buatan dalam Malaysia tetapi juga dari lain-lain negara dalam ASEAN ini, tidak boleh dimajukan dan kita akan sampai kepada satu tingkat di mana kita akan lihat barang-barang lain yang sedang dibuat ataupun akan dibuat oleh negara-negara ASEAN ini, tidak boleh dimajukan. Oleh itu, saya ingin memohon kepada pihak berkenaan untuk mengambil tindakan yang keras dan tindakan yang positif untuk mencapai satu ASEAN Common Market, oleh kerana tanpa ASEAN Common Market ini, saya rasa perindustrian dalam Malaysia akan mencapai ke satu peringkat di mana pasaran untuk perindustrian itu tidak akan digalakkan.

Seterusnya untuk mencapai satu peringkat untuk menaiki pasaran barangan Malaysia, kita harus juga mengalu-alukan tindakan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita seperti pengumuman yang telah dibuat di New York pada 30hb September ini di mana beberapa perangsang yang telah diberi kepada modal asing untuk memasuki dalam negara kita, tetapi malangnya, apabila kita mengkaji bagaimanalah keadaan untuk menarik modal dalam negeri kita semata-matanya untuk menaikkan ataupun membuat kilang-kilang dan lain-lain barang dalam Malaysia kita, kita dapati ia terhad melalui Undang-undang ICA.

Baru-baru ini kita dapat satu pemindahan dalam Akta ICA iaitu modal tempatan telah dinaikkan daripada \$250,000 kepada \$2.5 juta di bawah mana ICA ini tidak berkuatkuasa, tetapi ini tidak mencukupi untuk menaikkan modal tempatan dalam negara kita daripada pengusaha-pengusaha dalam negara kita. Oleh kerana kita dapati baru-bam ini ada beberapa pemaju-pemaju dan juga pengusaha-pengusaha dalam negeri yang sedang mencari pasaran luar negeri khususnya negara Australia, di mana beberapa juta ringgit telah dimasukkan untuk membina beberapa jenis kilang-kilang di dalam negara itu oleh pengguna-pengguna ataupun pengusaha-pengusaha daripada negara kita.

Untuk mengelakkan perkara ini saya memohon dan merayu kepada pihak Kementerian berkenaan untuk mengecualikan sepertimana Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri telah mengecualikan modal asing yang akan ditarik ke negara kita, mengecualikan modal tempatan juga seperti yang telah dibuat untuk modal asing. Seumpamanya untuk memberikan 100% pengecualian kepada modal tempatan jika kita terdapat 50% barang-barangan yang boleh dieksport dari kilang berkenaan ke luar negara. Saya rasa inilah satu perkara yang penting bagi menyimpan modal kita dalam negara kita, dan bukan dalam negeri luar.

Saya merujuk kepada' muka surat 100, Aktiviti 040100 Unit Penguatkuasaan dan Sistem Metrik. Saya mengalu-alukan Unit Penguatkuasaan yang telah mengambil beberapa tindakan untuk meng-haramkan beberapa barang yang tidak boleh dipasarkan di dalam negara kita, tetapi adalah tiga jenis barang harus diharamkan juga, iaitu yang pertama ialah minuman keras dibotolkan di dalam botol plastik. Nampaknya ini telah menjadi satu perkara yang begitu haram dalam

golongan yang berpendapatan rendah di mana mereka telah menggunakan minuman keras dalam botol plastik itu sebagai satu minuman yang kita harus dielakkan oleh kerana ini telah menjejaskan kesihatan mereka dan juga keadaan dalam keluarga-keluarga mereka dan saya memohon kepada pihak Kementerian untuk mengharamkan minuman keras dalam botol plastik ini.

Kedua ialah satu jenis racun yang telah digunakan oleh sebilangan nelayan kita untuk menangkap ikan dalam sungai di mana apabila racun ini tetah diletak dalam sungai, ikan dalam sungai secara langsung mati dan racun ini memudahkan menangkap ikan-ikan itu. Ini adalah satu racun, walaupun nama racun ini saya tidak tahu, yang dibuat oleh ICI, dan saya ingin memohon kepada pihak berkenaan untuk mengharamkan racun yang sedang digunakan oleh nelayan-nelayan untuk menangkap ikan-ikan dalam sungai-sungai dalam negara kita.

Yang ketiga ialah kaset dan rekod yang sedang dipasarkan di dalam pasaran kita dengan tajuk yang kurang bermoral. Walaupun saya telah menyentuh perkara ini dalam soalan saya semalam pihak Tuan Yang di-Pertua tidak mengizinkan soalan itu, oleh itu saya ingin menyentuh di sini tajuk yang berkurangan moral itu harus diharamkan. Contohnya ialah satu kaset yang baru-baru ini saya dengar dalam Radio Malaysia di bawah tajuk, "Bad boys are never sad boys, girls like bad boys", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya rasa pihak yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang lebih keras untuk mengharamkan kaset-kaset dan rekod-rekod bermoral kurang seperti yang telah dicontohkan.

Lagi satu perkara yang saya ingin merujuk ialah muka surat 101, Aktiviti 070000 iaitu Perbadanan Kemajuan

Pelancongan Malaysia. Apabila kita mengkaji sebab apa pihak pelancong daripada luar negeri datang ke negara kita, kita dapat tahu satu bandar yang begitu menarik ialah Bandaraya ataupun bandar Kuala Lumpur kita. Tetapi apabila kita mengkaji sedalam-dalamnya apalah kemudahan-kemudahan yang kita adakan di dalam bandar Kuala Lumpur ini, kita terdapat ada hanya "sight-seeing" dan hotel-hotel sahaja, tetapi tidak ada apa-apa lain kemudahan asas untuk menarik pelancong ke Kuala Lumpur ini. Walaupun perkara ini saya telah menyentuh di dalam ucapan saya dalam perbahasan Dasar Belanjawan, saya ingin memohon lagi sekati kepada pihak Kementerian berkenaan, untuk menaiki taraf untuk menarik pelancong-pelancong ke negara kita khususnya daripada segi entertainment, dan lain-lain kemudahan seperti "shopping" dan kemudahan-seperti. Apabila pelancong-pelancong mempunyai masa yang berkurang, mereka tidak dapat melawat lain-lain bandar di negara kita, dan oleh yang demikian kita harus mengadakan semua kemudahan yang pelancong memerlukan dalam ibu kota kita dan saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk mengadakan taman-taman atau "lake" dan gunung-gunung di mana mereka boleh melawat dengan mudahnya dan boleh nampak sebagaimana keadaan di seluruh negara kita. Dan lagi satu

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan S. S. Subramaniam: Satu sahaja, Tuan Pengerusi, ialah

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya telah beri lebih satu minit mengikut catatan. Sila gulung.

Tuan S. S. Subramaniam: Satu perkara sahaja lagi iaitu saya ingin memohon kepada pihak Kementerian

juga untuk mengadakan pondok TDC bukan sahaja dalam "airport" ataupun lapangan terbang antarabangsa kita, juga dalam station keretapi dan juga di kompleks-komplek seperti Dayabumi, Sungai Wang Plaza dan lain-lain tempat yang menarik pelancong-pelancong ke negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuantan.

4.24 *ptg.*

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 101, B.20, Butiran 070000 iaitu di bawah aktiviti Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya tidak mahu menambah apa yang diperkatakan oleh saudara kita Yang Berhormat daripada

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dari Hulu Selangor.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Iaitu Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam tadi dan juga apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam terutama berkaitan dengan kemudahan-kemudahan, tempat-tempat yang menahk, kelemahan TDC dan sebagainya, tetapi saya rasa elok kita memperkatakan perkara TDC ataupun Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ini dalam erti kata yang lebih sihat, yang lebih membina, kerana saya percaya kalau kita memperkatakan kelemahan-kelemahannya tanpa memberi cadangan-cadangan yang baik dan membina tentu sekali ianya tidak merupakan sesuatu yang boleh menolong usaha-usaha Kerajaan mempertingkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita ini.

Tuan Pengerusi, kita sama-sama sedar bahawa awareness, dengan izin, terhadap negara kita berbanding dengan negara-negara sekitar seperti Singapura, Thailand, Filipina dan mungkin juga Indonesia, awareness terhadap kita ini adalah secara relatifnya kurang. Ini kita akan sedar sekiranya kita berada di luar negeri, di barat, di Jepun sendiri umpamanya kesedaran mereka terhadap Malaysia adalah berkurangan berbanding dengan negara-negara sekitar tetapi walaupun hakikatnya begitu kita tidak harus menyerah kepada keadaan sahaja tetapi kita harus berusaha terutama dari segi pelancongan ini supaya apa-apa manfaat yang didapati oleh negara-negara jiran harus juga dirasai ataupun dihayati oleh negara kita.

Tuan Pengerusi, apa yang saya tahu, apa yang saya sedari selama ini salah satu kelemahan usaha menahk pelancong ke negara ini ialah terletaknya di dalam aktiviti pemasaran. Tetapi, Tuan Pengerusi, aktiviti pemasaran ini tidak harus kita confinekan ataupun kita bataskan sahaja kepada usaha-usaha Kerajaan, kepada tindakan-tindakan Perbadanan Kemajuan Pelancongan tetapi harus juga dicomplement, disokong oleh pihak-pihak swasta kerana pihak-pihak swastalah yang merupakan pewaris, pihak swastalah yang merupakan beneficiary kepada segala kewangan, segala keuntungan yang mungkin didapati daripada hasil pelancongan. Kerajaan hanya mendapat hasil secara tidak langsung daripada segi cukai sahaja.

Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak swasta mengambil bahagian, mengambil peranan yang lebih aktif di dalam menggalakkan pelancongan ke negara ini dan pihak swasta tidak harus berdiam diri sahaja menunggu restu, menunggu kepimpinan dan menunggu ilham sahaja daripada Perbadanan Kemajuan Pelancongan, dengan erti

kata pihak swasta haruslah juga mengambil langkah-langkah yang lebih positif tidak sahaja menerima "packaging", ini satu bahasa pelancongan Tuan Pengerusi "packaging" yang dibuat oleh tour agents ataupun intermediaries mengenai pelancongan di luar negeri. Kita sendiri harus mempunyai inisiatif untuk membuat packaging yang baik kerana di dalam pemasaran, bukan sahaja bahan barangan yang harus baik tetapi packagingnya harus baik dan kerana apabila packaging baik, ianya akan menarik perhatian pembeli, pengguna ataupun dalam hal ini pelancong-pelancong.

Umpamanya, apa salahnya agen-agen pelancong kita membuat packaging supaya packaging itu kita jual ke luar negeri dan packaging itu termasuk juga datang ke rantau sebelah sini, termasuk untuk datang ke Thailand, untuk datang ke Indonesia, ke Singapura, ke Filipina dan sebagainya lagi supaya satu tanda harga, satu "price tag" di dalam packaging itu termasuklah juga datang ke Malaysia ini.

Kalau kita hanya membuat promotion berdasarkan tempat-tempat kita, tempat-tempat tarikan kita, tempat-tempat yang menarik sahaja di negara kita ini, pada realitinya, saya rasa ianya tidak akan menarik kerana sudah menjadi satu pemikiran, satu tindakan yang pelancong-pelancong apabila ke luar negeri, apa yang menjadi keutamaan pemikiran mereka adalah sesuatu yang di luar dugaan, di luar dugaan dalamertikata ianya tidak mengandungi pertimbangan moral, pertimbangan keagamaan ataupun pertimbangan nilai-nilai yang baik, kerana kita tidak boleh memaksa mereka, memaksa pelancong menurut nilai yang hendak kita tetapkan.

Mereka melancong, mereka ada kebebasan dan kerana mereka ada kebebasan, mereka boleh memilih di

mana mereka hendak pergi. Jadi oleh kerana pertimbangan itu, saya ulangi lagi sekali supaya packaging itu termasuk juga negara kita.

Tuan Pengerusi, kita sama-sama mengetahui bahawa galakan pelancongan itu memerlukan kewangan yang begitu banyak yang harus dibelanjakan, kadang-kadang kita tahu apa yang kita belanjakan itu tidak membawa keuntungan.

Itulah sebabnya, saya rasa Perbadanan Kemajuan Pelancongan sendiri telah memasuki lapangan pembinaan tempat-tempat "tourist resort" yang tidak menarik darpada segi pandangan pihak swasta dan apabila TDC memasuki projek-projek seperti itu, bukan sahaja ia dianggap sebagai sesuatu yang kandas di peringkat perancangan tetapi akhirnya terbukti sebagai yang terkandas pada realitinya. Tetapi itu tentu sekali ianya harus diberi kepujian kerana adanya daya utama, adanya daya inisiatif bagi pihak Kerajaan supaya inisiatif seperti itu boleh diikuti oleh pihak swasta.

Tetapi bagaimanapun kerana perkembangan ekonomi dan juga kerana keengganan ataupun saya boleh katakan ketidak-menariknya pelancong-pelancong luar negeri untuk datang ke Malaysia ini berbanding dengan negara-negara di rantau ini yang lain, maka resort centre seperti itu telah terbukti mengalami kerugian daripada tahun ke setahun dan daripada satu masa ke satu masa.

Inilah seperti yang saya katakan di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung tempoh hari, saya mengatakan takutnya timbul keadaan di mana orang di sebelah Pantai Timur, mengatakan mahal rantai daripada buruk. Apabila sudah berlaku keadaan mahal rantai daripada buruk, ini bererti kita berbelanja lebih daripada hasil yang hendak kita dapati.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya menyeru kepada pihak swasta supaya jangan semata-mata berharap kepada pihak-pihak Kerajaan seperti TDC ini tetapi pihak swasta juga harus memainkan peranan yang betul-betul aktif, supaya apa yang kita rancangkan, apa yang kita giatkan dan apa yang kita usahakan untuk membawa petancong seramai mungkin ke negara ini akan menjadi sesuatu yang nyata dengan tidak melupakan hakikat bahawa negara kita ini tidak menjadi sesuatu tarikan yang tunggal, melainkan ianya dipackagekan bersama-sama dengan negara-negara di rantau ini yang lain seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan juga Filipina.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Maksud B.20 muka surat 99 butiran 020000 iaitu Aktiviti Perdagangan Antarabangsa. Nampaknya, Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberikan kepada aktiviti ini agak banyak iaitu lebih daripada \$24 juta dan kalau kita gunakan jumlah yang begitu banyak sebagai asas penekanan (emphasis) Kerajaan untuk mendapatkan hasil daripada perdagangan antarabangsa ini, ianya tentu sekali mencerminkan sesuatu yang serius, yang bersungguh-sungguh.

Tuan Pengerusi, sepertimana saudara kita Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengatakan tadi, perdagangan antarabangsa ini bukan sahaja harus dipandang daripada segi teknologi, daripada segi "value added" dan sebagainya dan juga soal-soal complementary di antara negara ini di dalam production, di dalam pengeluaran, tetapi ia juga harus ditinjau daripada hakikat bahawa yang barang-barang itu harus dipasarkan ke luar negeri dan pemasaran itu tentu sekali menuntut skill, menuntut kepakaran daripada mereka yang kita

ambil bertugas di luar negeri. Tegasnya kalau di dalam Kementerian Perdagangan itu m reka dipanggil Persuruhjaya-persuruhjaya Perdagangan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa Ahli Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Boleh satu minit lagi. Maaf, Tuan Pengerusi tak beri amaran kepada saya, saya minta satu dua minit lagi..

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah lebih daripada 10 minit, tetapi saya boleh beri satu minit lagi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Terima kasih. Jadi mengenai pegawai-pegawai pinjaman daripada swasta yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi untuk dimasukkan di dalam perkhidmatan perdagangan antarabangsa ini, saya rasa bukan sahaja harus dibuat daripada segi "secondment" ataupun pinjaman tetapi juga harus digubal satu skim supaya mereka yang berpengalaman di dalam swasta, yang ada business acument itu, dengan izin, boleh diambil bekerja, kerana mode of employment itu, dengan izin, boleh ditentukan sama ada dalam bentuk kontrak ataupun dalam bentuk kerjaya yang tetap, tetapi saya rasa menjual maklumat untuk menarik mereka masuk ke dalam negara kita ini memerlukan business accument.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Rajang.

4.48plg.

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 101, Maksud P.20—Butiran 00200 Tajuk—Perbadanan Kemajuan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Lembaga Kemajuan Pelancongan, di sini ingin saya mengambil perhatian khusus kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi pelancongan di peringkat negeri Sarawak yang tidak begitu memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar, terutamanya masyarakat Dayak yang sering ditonjolkan sebagai objek tontonan kepada para pelancong-pelancong asing.

Kita tidak menafikan bahawa industri pelancongan itu adalah satu industri yang mendatangkan hasil tukaran asing yang agak lumayan. Namunpun demikian, kita harus mengabaikan kepentingan tempatan di mana satu analisa yang terperinci haruslah dilakukan untuk meninggikan taraf negeri Sarawak sebagai satu destinasi pelancongan yang terkemuka di rantau ini.

Sarawak yang kaya dengan khazanah budaya dan mengandungi berbagai suku kaum ethnik yang tidak terdapat di dunia lain sudah tentu menjadi tumpuan kepada pelancong dari dalam dan luar negeri. Justru itu kita mahu, bukan hanya kita menonjolkan identiti masyarakat rumah-rumah panjang yang mundur, yang mungkin disalahanggapkan sebagai scenario keseluruhan cara hidup masyarakat Dayak yang negatif kepada para pelawat itu, tetapi kita mahu Kerajaan mengambil berat untuk membangunkan keseluruhan sistem kehidupan rakyat sebagai simbol budaya yang unik selaras dengan kemajuan manusia yang bertamaddun. Kemunduran cara kehidupan di rumah-rumah panjang

yang selalu ditonjolkan ketika pelancong-pelancong melawat ke rumah-rumah panjang mungkin disalahanggap apabila mereka balik ke tanahair mereka nanti.

Tuan Pengerusi, langkah-langkah negatif Lembaga Kemajuan Pelancongan yang menonjolkan kampung-kampung dan rumah panjang yang mundur sangatlah dikesali, dengan kata lain TDC hanya memberi gambaran:

- (i) bahawasanya TDC atau Lembaga Kemajuan Pelancongan mengeksploitasi kemunduran masyarakat Dayak dengan menjadikan mereka sebagai bahan tuntutan;
- (iii) bahawa Lembaga Kemajuan Pelancongan memberi gambaran negeri Sarawak di mana rakyatnya masih hidup dalam kemunduran dan tidak bertamaddun dan telah menjejaskan imej masyarakat Dayak keseluruhannya.

Dengan bantahan yang telah saya sebutkan tadi, di sini saya ingin mencadangkan 3 cadangan yang saya rasa patut kita ambil perhatian:

- (i) TDC patutlah menghentikan agensi-agensi pelancongan pergi membawa pelancong melawat ke rumah-rumah panjang yang mundur oleh kerana ini memberi gambaran yang negatif kepada negara kita;
- (ii) dengan ini saya mencadangkan supaya TDC dan Kerajaan Negeri Sarawak membangunkan destinasi pelancong yang telah sedia ada di Sarawak, terutamanya yang meliputi kawasan masyarakat Dayak yang telah dikenali ataupun yang telah dikesual dari pembangunan semenjak

zaman sebelum merdeka iaitu kawasan rumah panjang Bidayuh di Kampung Benuk, Mongkos dan Munjat dan kawasan sekarang bagi Masyarakat Iban yang dikenali sebagai kawasan Safari dibangunkan setaraf dengan projek, mungkin seperti di Damai Beach, di Sarawak.

- (iii) Juga saya mencadangkan supaya pengusaha pelancongan menjadualkan lawatan ke rumah panjang mengikut musim, seperti Gawai Dayak, Gawai Hantu dan Gawai Kenyalang, bagi mengelakkan masyarakat diganggu dari keselesaan hidup harian mereka, dan di samping itu juga para pengusaha harus benar-benar mengetahui tatacara hidup dan adat resam masyarakat yang hendak dilawati itu supaya tidak menyinggung perasaan masyarakat tempatan. Pengusaha pelancong harus dipastikan oleh TDC supaya membuat usahasama dengan pihak tempatan ketika mana tempat itu menjadi destinasi para pelancong.

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum saya memberi peluang kepada Yang Berhormat dari Kuala Kerai, saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.35ptg.

Tuan Mohamed bin Isa (Kuala Kerai): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh hanya satu/dua perkara sahaja. Bagi Maksud Bekalan B.20, muka surat 100, Butiran 040000 Perlindungan Pengguna.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini daripada semalam sampailah pada hari ini, saya akan menyentuh berkenaan dengan Perlindungan Pengguna pada hari ini. Oleh kerana negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, bagaimana yang semua ketahui, adalah menjadi hasrat semua pihak untuk memberi kelegaan di dalam masa kemelesetan ini kepada rakyat di seluruh negara kita di dalam menggunakan barang-barang kegunaan harian mereka, supaya rakyat dapat menikmati sama barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang dan oleh negara kita ini dengan harga yang berpatutan supaya rasa atau bahang kemelesetan ekonomi ini bukan sahaja dirasai oleh rakyat, tetapi hendaklah juga oleh pengusaha-pengusaha ataupun pengilang-pengilang, pengeluaran-pengeluar barang-barang, bahan-bahan makanan bersimpati sama. Dengan itu adalah saya mengesyorkan supaya harga barang-barang yang dikeluarkan di negara kita ini dapat dikurangkan, juga mutu barang-barang itu hendaklah juga dijaga supaya pengguna-pengguna tidak terlibat di dalam memberi barang-barang yang kurang bermutu.

Tuan Pengerusi, keduanya, kita telah menjalankan bermacam-macam usaha sama ada oleh pihak Kerajaan ataupun swasta melalui agensi-agensi Kerajaan, memberi penerangan-penerangan supaya rakyat negara kita ini menggunakan barang-barang tempatan. Tetapi saya dapati hingga hari ini penggunaan barang-barang tempatan masih lagi tidak begitu meluas di semua kalangan rakyat di negara kita pada masa ini. Untuk mengatasi dan untuk menyedarkan semua golongan masyarakat supaya menggunakan barang tempatan adalah dicadangkan supaya pihak Kerajaan memperluaskan lagi penerangan-penerangan kepada seluruh rakyat di

negara kita ini, di semua tempat di bandar-bandar besar atau bandar-bandar kecil. Jawatankuasa penerangan, khususnya berhubung dengan kegunaan barang-barang tempatan ini supaya dengan itu sambutan kalangan rakyat kita dapat mereka terima dan juga rakyat dapat memahami dengan sepenuhnya akan keperluan kegunaan bahan tempatan.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada muka surat 101, Butiran 070000—Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Oleh kerana pelancongan adalah merupakan satu industri yang boleh memberi keuntungan yang besar kepada ekonomi negara kita, maka adalah dicadangkan supaya pihak yang terlibat dengan pelancongan, sama ada Kerajaan atau TDC dan lain-lain badan menjaga dan mengawasi tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong, sama ada luar negeri atau dalam negeri sentiasa bersih, cantik dan elok serta menarik pandangan pelancong-pelancong.

Tuan Pengerusi, kita sentiasa membicarakan soal pelancong daripada luar negeri, tetapi tumpuan kita tidak memberi perhatian kepada pelancong-pelancong dalam negeri sedangkan tidak kurang juga pelancong-pelancong dalam negeri yang melawat ke satu-satu negeri di negara kita ini di antara satu negeri ke satu negeri, tetapi mereka ini tidak diberi perhatian oleh badan-badan pelancongan, sedangkan perkara ini juga adalah merupakan satu hasil pendapatan dalam segi pelancongan,

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pelancongan ini ialah supaya pengusaha-pengusaha teksi di negara kita, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini dapat memilih mereka yang menjadi pemandu teksi itu orang yang tahu di sekitar Ibu Kota khususnya dan juga tahu tempat-tempat menarik dan tempat-tempat yang harus menjadi

sejarah kenangan, terutama sekali apabila membawa pelancong-pelancong yang datang, sama ada dalam negeri atau luar negeri kerana saya sendiri berasa malu, satu hari waktu saya hendak datang ke Parlimen ini saya menaiki sebuah teksi daripada Kuala Lumpur dan saya minta drebar teksi itu bawa saya ke Parlimen. Dia telah tanya saya, apa itu Parlimen, di mana Parlimen itu? Saya pun tanya dia sama ada dia hendak main-main dengan saya ataupun betul dia tak tahu. Jadi, saya tanya ulang lagi, saya tanya dia, dia kata betul dia tak tahu di mana itu Parlimen. Saya pun tanya dia balik, awak ini orang luar Malaysia ataupun orang Malaysia? Jawab dia, dia kata dia orang Malaysia, Sudah berapa lama awak menjadi pemandu teksi? Dia kata sudah 10 tahun di Kuala Lumpur.

Jadi apabila saya tekan dia balik, dia mulai berasa serba salah. Saya tunjuk jalan kepada dia, masuk jalan itu dan tuju ke Bank Negara, saya kata sampai ke sini. Apabila dia tengok Bangunan ini, saya kata inilah Parlimen. Apabila dia tengok, saya tunjuk kepada dia Bangunan Parlimen ini, dia kata, Oh! ini, di sini tempat orang cakap-cakap. Saya kata ini satu perkara yang amat memalukan kepada seorang pemandu teksi dan pengusaha teksi apabila seorang pemandu teksi yang tidak tahu di mana tempat bersejarah dan saya rasa Bangunan Parlimen ini merupakan satu tempat yang bersejarah dan tempat yang kita membentuk undang-undang dan memerintah negara kita dan masih ada lagi rakyat yang tidak mengetahui apa ini Parlimen. Ini adalah menjadi perkara yang mustahak.

Saya berharaplah supaya pihak Kerajaan dapat mengawasi perkara ini dan juga pengusaha-pengusaha teksi tadi dapat memilih pemandu-pemandu yang tahu tempat-tempat bersejarah. Bukan sahaja Parlimen tempat bersejarah, Muzium Negara, Zoo

Negara, Masjid Negara dan lain-lain lagi tempat-tempat bersejarah, apatah kalau berjumpa kepada pelancong-pelancong daripada luar negeri, soal ini amatlah memalukan sekali.

Tuan Pengerusi, saya rasa dalam soal ini sebagaimana yang saya kata tadi adalah penting pelancongan merupakan satu hasil negara kita dan juga untuk menjaga imej negara kita kepada negara-negara luar dan pemandu-pemandu pelancong ini adalah mustahak diberi penerangan dan kursus supaya mereka sama dapat memahami keadaan yang sebenar.

Saya fikir itulah sahaja yang dapat saya sentuh dan saya menyokong Belanjawan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun dan mengemukakan pandangan dan cadangan mengenai berbagai perkara yang menyentuh Kementerian saya semasa membahaskan Belanjawan 1987 untuk Kementerian saya.

Berhubung dengan tohmahan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa saya dengan sengaja ingin memperdayakan Dewan ini berhubung dengan kaitan Rothmans International PLC dengan kepentingan Afrika Selatan, ingin saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa sebelum menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dahulu, siasatan telah dibuat mengenai latar belakang dan pemegang Rothmans International

PLC melalui pejabat Kementerian di London. Berdasarkan jawapan yang diterima, Kementerian ini tidak dapat mengesahkan wujudnya pemegang rakyat Afrika Selatan di dalam Rothmans Tobacco Holdings ataupun di dalam Philip Morris. Pengesahan juga telah dipinta daripada Syarikat Rothmans tempatan dan bank saudagarnya. Kedua-dua sumber berkenaan mengesahkan kebenaran maklumat-maklumat yang diterima daripada pejabat Kementerian ini di London. Oleh hal yang demikian, jawapan yang diberi di Dewan yang mulia ini pada 11hb November tahun ini berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera menggambarkan peringkat pengetahuan Kerajaan sebenarnya pada ketika itu.

Tohmahan yang begitu serius yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa saya dengan sengaja memperdayakan Dewan ini, memberi implikasi bahawa Kerajaan mempunyai tujuan tertentu dengan sengaja menyembunyikan maklumat sebenar. Ingin saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang lain bahawa Kerajaan ini merupakan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab yang tidak takut menghadapi kenyataan dan kebenaran pada setiap masa. Apa-apa siasatan susulan yang dibuat oleh pihak Kerajaan telah dilakukan dalam "good faith", dengan izin. Saya merasa terperanjat bahawa maklumat yang terperinci mengenai penglibatan Afrika Selatan telah sedia diketahui oleh pihak Pembangkang dan telah sengaja menyembunyikan maklumat ini daripada pengetahuan Kerajaan semata-mata untuk mewujudkan "drama politik". Sekiranya mereka ini telah mempunyai

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun hendak penjelasan.

Dato Kok Wee Kiat: Tak berilah.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak beri.

Dato Kok Wee Kiat: Ya, tak berilah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat tak payah jawab, teruskan.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih. Sekiranya mereka ini telah mempunyai maklumat-maklumat yang begitu meluas, seharusnya pihak Pembangkang memaklumkan pihak Kerajaan bagi kepentingan bersama negara ini. Di sebaliknya, pihak Pembangkang telah memilih untuk sengaja mewujudkan sensasi mengenai perkara ini dengan membuat tuduhan-tuduhan kepada Kerajaan

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. "36 (6) bahawa tak seorang Ahli Yang boleh membuat sangkaan jahat". Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam ucapannya sudah buat sangkaan jahat bahawa kita sengaja menyembunyikan maklumat-maklumat ini dan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak cekap, tak guna, apa semua tahu—dia tak tahu, itu lain hal. Tetapi bahawa membuat sangkaan jahat, saya minta

beliau tarik balik, minta maaf dan minta maaf oleh kerana Kerajaan begitu tak guna, tak tahu fakta-fakta, seluruh dunia pun tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, apa yang dicakap tadi? Saya tak begitu

Tuan Lim Kit Siang: Sangkaan jahat—"inpute improper motive" bahawa kita ada fakta-fakta ini dan sengaja untuk sembunyikan daripada Kerajaan. Kerajaan sendiri ada jentera yang begitu besar tak tahu semacam ini, lebih baik letak jawatan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh teruskan.

Dato Kok Wee Kiat: Tak payah jawab, ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak payah,

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menyentuh mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia. Perkara ini telah pun diberi penjelasan berulang kali di dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat berkenaan, semenjak Kempen Belilah Barang Buatan Malaysia dilancarkan pada awal tahun 1985, banyak aktiviti telah dijalankan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan itu seperti pameran dan publisiti oleh pihak awam dan swasta dengan dibantu oleh media massa telah berjaya menimbulkan kesedaran rakyat mengenai penting dan perlunya mereka membeli barang buatan Malaysia.

Satu kajian bebas telah dibuat oleh Survey Research Malaysia yang menunjukkan bahawa 70% daripada

rakyat tempatan dari golongan berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah serta di bandar dan luar bandar sedar tentang kempen ini dan menyokongnya. Ternyata sekarang kempen kesedaran yang dipelopori oleh Kerajaan sudah mencapai objektifnya.

Mulai dari sekarang apa yang lebih penting diutamakan ialah pekilang-pekilang sendiri secara individu berusaha dengan lebih giat lagi untuk meningkatkan mutu barangan dengan lebih berkesan serta menjualnya dengan harga yang berpatutan. Usaha-usaha ke arah demikian nampaknya mendapat sambutan di kalangan pembekal-pembekal.

Pada masa ini Minggu Membeli Barangan Buatan Malaysia sedang berlangsung mulai 15hb November hingga 22hb November, 1986. Satu pertandingan untuk memilih kedai runcit yang terbaik dari segi mempamerkan barang-barang buatan tempatan sedang dijalankan dan pemenang akan diumumkan pada hari Sabtu depan. Untuk menanamkan kesedaran tentang mutu barangan buatan tempatan, surat pekeliling telah diedarkan kepada semua sekolah untuk menggalakkan supaya membeli barangan buatan tempatan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang supaya memberi perhatian yang berat ke atas hal ehwal pengguna, sukacita dimaklumkan bahawa perlindungan pengguna memang sentiasa diberi perhatian yang berat oleh Kerajaan. Kementerian ini berpendapat bahawa kewangan yang diperuntukkan kepada aktiviti perlindungan pengguna adalah memadai. Jumlah yang diberi kepada Persatuan-persatuan Pengguna untuk membantu mereka menjalankan aktiviti-aktiviti perlindungan pengguna yang baik dan dapat melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna serta membantu kepentingan sosio-ekonomi negara adalah memadai.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya meneliti dan mengkaji semula Undang-undang Perlindungan Pengguna, Kerajaan berpendapat Akta-akta yang sedia ada sudah mencukupi untuk melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Umpamanya berkenaan dengan syor beliau mengenai Akta menentukan harga untuk perlindungan pengguna adalah difikirkan tidak perlu kerana memang sudah wujud satu Akta yang memainkan peranan yang sedemikian seperti Akta Kawalan Harga 1946. Juga tindakan pentadbiran yang diambil oleh Kementerian saya untuk menetapkan harga barang-barang perlu seperti gula, tepung dan bahan-bahan petroleum adalah sudah cukup untuk tujuan ini.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan satu testing centre untuk menguji barang-barang yang dibeli oleh pengguna, Kerajaan berpendapat bahawa testing centre tidak perlu ditubuhkan di tiap-tiap negeri kerana ini akan melibatkan perbelanjaan yang banyak yang mana harus dikaji dengan teliti di dalam masa kemelesetan ekonomi ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan sedang menimbang untuk meluaskan kemudahan menguji mutu barang dengan mengadakan skim accreditation di mana pusat-pusat ujian swasta (private laboratories) yang berkelayakan akan diberi pengiktirafan dan kebenaran untuk menjalankan ujian ke atas barang-barang yang tertentu. Pelaksanaan skim ini sedang dipertimbangkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Untuk pengetahuan Ahii Yang Berhormat juga, jika ada apa-apa masalah mengenai barang-barang yang dibeli, pengguna-pengguna bolehlah juga membuat aduan-aduan kepada Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya yang terdapat di tiap-tiap negeri.

Mengenai permintaan Yang Berhormat supaya satu suruhanjaya mengkaji harga ditubuhkan, Kementerian saya berpendapat bahawa ini tidak perlu kerana Kementerian telah pun mempunyai Jawatankuasa Ulangkaji Harga. Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab dalam menerima, meneliti, menimbang, mengkaji, mengesyor dan menentukan sebarang permohonan kenaikan harga beberapa jenis barang. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil Persatuan Pengguna, pihak pengilang, pegawai-pegawai dari Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi. Pada lazimnya Jawatankuasa ini akan meminta pendapat-pendapat dari ahli-ahli bagi membuat satu keputusan dalam menerima atau menolak sebarang permohonan mengenai kenaikan harga. Oleh itu Suruhanjaya tersebut tidaklah perlu diadakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam supaya Cukai Korporat diturunkan bagi menggalakkan lebih banyak petabur asing ke negara ini. Sukalah saya menjelaskan bahawa galakan-galakan cukai dan bukan cukai yang ditawarkan oleh negara ini kepada pelabur-pelabur memang telah cukup untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Galakan-galakan tersebut adalah setanding dengan galakan yang diberikan oleh negara-negara lain di rantau ini.

Sebagai contoh sesebuah syarikat yang diberi kelulusan taraf perintis akan dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan sepenuhnya bagi tempoh 5 tahun. Sekiranya berkelayakan, tempoh taraf perintis ini boleh dilanjutkan untuk 5 tahun lagi. Sesebuah syarikat betaraf perintis juga adalah dikecualikan dari cukai-cukai

seperti cukai korporat sebanyak 40%, cukai pembangunan 5% dan cukai excess profits sebanyak 3%. Di samping itu, jika syarikat mengeksport kesemua keluarannya selepas tempoh taraf perintis ini, ia juga berkelayakan mendapat pengurangan terhadap pendapatan larasan (abatement on adjusted income) berdasarkan nilai eksportnya sehingga tidak melebihi 50% daripada pendapatan larasan. Pengurangan ini adalah bersamaan dengan penurunan cukai korporat sehingga ke paras 20%. Oleh yang demikian, memandangkan kemudahan-kemudahan cukai, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, adalah cukup menarik, maka Kerajaan pada masa ini tidak dapat menurunkan lagi cukai korporat seperti yang dicadangkan.

Berhubung dengan skim penyusunan semula Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Sdn Bhd yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sukalah saya menjelaskan bahawa cadangan penyusunan semula Rothmans ini telah dikemukakan untuk pertimbangan semua pemegang-pemegang saham syarikat berkenaan di Mesyuarat Agung Tahunannya dan juga di Mesyuarat Agung Khas syarikat sebelum cadangan tersebut dikemukakan untuk kelulusan pihak-pihak berkuasa yang tertentu seperti yang lazim dilakukan oleh semua syarikat.

Maka yang demikian semua pemegang saham termasuklah pemegang-pemegang saham bukan bumiputera telah memahami akan implikasi skim penyusunan semula ini dan telah mempersetujui dengan cadangan yang melibatkan sebahagian daripada

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang hendak penjelasan agaknya.

Dato Kok Wee Kiat: Saya tidak beri, tidak cukup masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa tidak ada.

Dr Eng Seng Chai: Pasal maklumat yang diberi tidak betul.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Dato Kok Wee Kiat: Betul atau tidak betul

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak payah jawab, teruskan sahaja. Masa tidak banyak.

Dato Kok Wee Kiat: Maka yang demikian semua pemegang saham termasuklah pemegang-pemegang saham bukan bumiputera telah memahami akan implikasi skim penyusunan semula ini dan telah mempersetujui dengan cadangan yang melibatkan sebahagian daripada saham-saham yang sedia ada ditawarkan kepada bumiputera dan asing.

Pada pandangan Kementerian ini, ia merupakan urusan biasa sesebuah syarikat atau, dengan izin, a pure commercial transaction. Dengan demikian Kementerian ini tiada kuasa untuk menghalang mana-mana pemegang-pemegang saham yang ingin menukar

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amii bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang minta penjelasan.

Dato Kok Wee Kiat: Saya belum pun habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, tidak apalah.

Dr Eng Seng Chai: Atas apa yang sedang disentuh

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak apalah. Dia tidak beri. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato Kok Wee Kiat: Saya ulangi

Dr Eng Seng Chai: Sebab maklumat yang dia beri semua tidak berapa benar.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak apa, boleh diterima.

Dato Kok Wee Kiat: Bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, teruskan.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih. Dengan demikian Kementerian ini tiada kuasa untuk menghalang mana-mana pemegang-pemegang saham yang ingin menukar atau menjual saham-saham pegangan mereka untuk mendapatkan bayaran "cash".

Berhubung dengan isu "confidence and certainty", dengan izin, yang berupa faktor-faktor penting dalam pelaburan, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Tanjong bahawa Kerajaan membuat perubahan-perubahan dasar dan garis panduan dengan tujuan memperbaiki kedudukan iklim pelaburan untuk menjadikan Malaysia lebih menarik dan dapat menandingi negara-negara lain dari segi pelaburan asing. Dari apa-apa yang telah diumumkan dan dari pindaan-pindaan kepada Akta Galakan Pelaburan, 1986 yang akan dipertimbangkan di Dewan yang mulia ini, jelas sekali Kerajaan sentiasa

mengambil perhatian berat terhadap usaha-usaha mempertingkatkan faktor-faktor "confidence and certainty".

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ledang supaya Kerajaan mengamalkan dasar pendckatan galakan perdagangan Intra-ASEAN dcngan menambahkan lagi projek-projek "complementary" serantau, Kerajaan memang sedar bahawa kerjasama perdagangan yang disebutkan itu adalah salah satu bidang kerjasama ekonomi yang baru yang perlu dimajukan serta diperingkatkan. Ini adalah selaras dengan semangat "Bali Concord" yang telah ditandatangani pada tahun 1976 semasa Sidang Kemuncak Kedua ASEAN yang lebih dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bali.

Dalam tempoh masa selama 10 tahun kebelakangan ini, negara-negara anggota ASEAN berpendapat bahawa sudah tiba masanya pencapaian perdagangan Intra-ASEAN dikaji semula khususnya Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA) dan juga memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru kepada Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN supaya perdagangan Intra-ASEAN boleh diberikan semangat yang baru demi kebaikan serantau secara keseluruhan. Selaras dengan usaha ini, projek-projek bersifat "complementary" juga akan terus dikenalpastikan.

Berhubung dengan saranan untuk mewujudkan hubungan perdagangan Malaysian-ASEAN dengan negara-negara OECD secara berkolompok atau secara berasingan, sukacita dimaklumkan bahawa ASEAN telah pun mengadakan hubungan ekonomi dengan rakan-rakan dialognya seperti Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Jepun, Kanada dan EEC yang juga merupakan negara-negara anggota OECD. Malaysia juga

mempunyai perhubungan perdagangan dua-hala dengan Yugoslavia dan tain-lain negara anggota OECD yang bukan rakan dialog ASEAN.

Mengenai cadangan mengadakan hubungan perdagangan ASEAN dengan Negara-negara Selatan ataupun South-South Cooperation, sukacita dimaklumkan di sini bahawa ASEAN telah mula mengadakan contact dengan Gulf Cooperation Council di peringkat awal. Kementerian ini akan mengambil perhatian terhadap cadangan Yang Berhormat dari Lcdang supaya ASEAN mengadakan hubungan dengan kelompok-kelompok ekonomi serantau yang lain seperti South Pacific Forum, Latin American Economic System, Economic Community of West African States dan sebagainya. Walau bagaimanapun, usaha ini adalah tertakluk kepada "collective decision" negara-negara anggota ASEAN dan kajian-kajian yang lelitu perlu dibuat.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Batu Berendam telah membangkitkan mengenai industri pelancongan. Saya ingin menyatakan bahawa pihak Kementerian sedar tentang kepentingan industri pelancongan dalam imbangan bayaran (balance of payments), pengwujudan peluang-peluang pkerjaan dan sebagai punca pendapatan. Dengan itu Kerajaan melalui TDC akan terus mempergiatkan usaha-usaha penggalakan dan pemasaran negara ini secara lebih agresif kepada pasaran-pasaran luar. Pasaran ASEAN merupakan pasaran yang terpenting kepada industri pelancongan ncgara ini di mana ia menyumbangkan 78.2% ketibaan pelancong. Ini diikuti oleh pasaran Jepun (4%); Australia (2.7%); Amerika Syarikat (1.5%) dan Hongkong (1.2%). Pasaran Taiwan menyumbangkan 0.6% daripada

keseluruhan ketibaan pelancong di negara ini. Pasaran ini akan terus diberi tumpuan oleh pihak TDC.

Mengenai usaha menonjolkan Malaysia sebagai pusat konvensyen, Kerajaan sedang menimbangkan penubuhan sebuah Biro Konvensyen (Convention Bureau) yang akan mengkhusus dalam usaha menarik minat pasaran tersebut. Kerajaan juga sentiasa memberikan kepentingan kepada kebersihan tempat-tempat menarik di negara ini. Usaha ini dijalankan bersama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa Kerajaan mengikut Pelan Induk Perindustrian Malaysia atau hanya mengumpulkan pembangunan perindustrian dalam "industrial corridors" sahaja, sukalah saya memaklumkan bahawa ini tidak bermakna kawasan-kawasan miskin dan kurang maju akan diabaikan oleh Kerajaan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memang telah "committed", dengan izin, ke atas pembangunan luar bandar dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

Berhubung dengan cadangan kedua Ahli Yang Berhormat supaya institusi-institusi penyelidikan seperti MARDI mengambil usaha-usaha yang gigih dalam bidang pengetinan bahan-bahan makanan, ini merupakan satu cadangan yang baik dan saya akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Bagi-menjawab cadangan supaya digalakkan perdagangan di antara negara-negara ASEAN, sememangnya ia merupakan satu daripada tumpuan kita untuk mengekalkan barang-barang yang sudah siap dan barang-barang yang separuh siap ke negara-negara ASEAN yang lain. Kita mempunyai pejabat-pejabat

perdagangan di Jakarta, Bangkok, Singapura dan Manila bagi tujuan tersebut.

Pengambilan Pesuruhjaya Perdagangan, Kementerian menghantar keluar negeri pegawai-pegawai yang mengetahui berkenaan pasaran antarabangsa sebagai Pesuruhjaya Perdagangan. Mereka ini adalah aktif untuk mencari pasaran barang-barang Malaysia di negara-negara mereka ditempatkan. Apa yang dilakukan oleh Pesuruhjaya Perdagangan adalah tidak perlu dibubuhkan kerana adalah menjadi tugas mereka untuk mendapatkan pasaran barang-barang Malaysia.

Syor Yang Berhormat dari Hulu Selangor supaya minuman keras dalam plastik dihapuskan. Sebenarnya, Kementerian Kesihatan akan menimbangkan perkara ini. Kementerian saya akan merujuk perkara ini kepada Kementerian Kesihatan, jika minuman keras dalam plastik ini dijumpai di dalam pemeriksaan pegawai-pegawai saya. Mengenai racun yang digunakan untuk menangkap ikan dan rekod-rekod dan kaset-kaset lucah, perkara-perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana ianya di bawah bidang tugas Kementerian-kementerian berkenaan.

Berkenaan dengan soal pengecualian dari ICA dan kelonggaran syarat terhadap pelabur-pelabur asing, perlu saya jelaskan bahawa garis-garis panduan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di New York dahulu adalah untuk permohonan-permohonan projek yang diterima oleh MIDA di antara 1hb Oktober tahun ini hingga 31hb Disember, 1990. kerajaan berharap dengan kelonggaran syarat-syarat ini pelabur-pelabur asing akan mendapati Malaysia lebih menarik sebagai pusat

pelaburan. Tetapi perlu diingatkan bahawa projek-projek yang layak diberi syarat-syarat yang lebih longgar ini, mestilah merupakan projek-projek yang tidak akan bersaing dengan pengeluar-pengeluar dalam negara kita.

Saya rasa Yang Berhormat dari Hulu Selangor tentu memahami objektif ICA. Ianya adalah satu lesen yang akan membolehkan Kerajaan mendapatkan maklumat mendalam tentang perkembangan perindustrian sesuai dengan dasar-dasar dan matlamat sosio-ekonomi Kerajaan yang telah diterima oleh semua pihak di negara ini. Yang Berhormat pasti sedar yang Kerajaan juga terpaksa mencapai penambahan kekayaan (wealth creation) hanya setelah meneliti dengan mendalam barulah Kerajaan memutuskan tahap pengecualian ICA itu ditingkatkan kepada \$2.5 juta.

Saya mengucapkan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat bersabit mengadakan lebih banyak aktiviti di bandaraya Kuala Lumpur. Kerajaan sedar bahawa perkara ini adalah penting. Tetapi sukalah dimaklumkan bahawa Kuala Lumpur kini boleh dikatakan telah menambahkan daya-daya tarikan dengan adanya kemudahan seperti Pasar Seni, Karianeka, Onfocraft, di samping itu acara-acara seperti Tattoo, Kuala Lumpur Arts Festival yang dianjurkan setiap tahun dapat menambahkan aktiviti-aktiviti Kuala Lumpur bukan sahaja untuk orang tempatan, tetapi pelawat-pelawat asing.

Untuk menyebarkan peristiwa menarik sama ada berupa acara sukan atau kebudayaan, TDC telah mengumpulkan acara ini dan dibukukan sebagai Calender of Culture and Festivals. Cadangan supaya diadakan lebih banyak lagi tempat penerangan pelancong dan di sekitar bandaraya, ini adalah dalam perhatian Kementerian ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Berhubung dengan cadangan dari Yang Berhormat dari Kuantan, saranan-saranan yang dikemukakan oleh wakil dari Kuantan supaya pihak swasta bersama-sama dengan Kerajaan berusaha meningkatkan industri pelancongan, adalah sangat bernas. Ke arah mengadakan kerjasama ini, pihak swasta telah pun menubuhkan sebuah National Tourism Council dan baru-baru ini telah mengadakan satu persidangan National Tourism Conference. Resolusi-resolusi persidangan yang banyak disentuh. Tentang apa yang Yang Berhormat dari Kuantan telah membangkitkan sedang diteliti.

Tuan Pengerusi, sekianlah penjelasan saya dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian saya. Segala pandangan dan cadangan itu akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$128,373,500 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$128,373,500 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10,724,010 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,724,010 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

Maksud B.21, B.22, B.23 dan B.24 (Jadual)—

Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 hingga 24 dan Kepala Pembangunan P.21 hingga 24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, terbuka untuk dibahas.

5.18 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 105 Maksud Bekalan 21-Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Butiran 020000.

Sesuai dengan tujuan atau matlamat yang hendak dicapai di bawah program kebudayaan, maka pembangunan kebudayaan perlulah dilihat sebagai satu komponen yang terpenting di dalam pembangunan negara keseluruhannya. Memang tepat sekali jika dikatakan bahawa kebudayaan adalah faktor terpenting di dalam usaha penyatuan dan pengukuhan perpaduan bangsa Malaysia kerana pada asasnya hanya tiga faktor sahaja yang benar-benar boleh menyatupadukan sesuatu masyarakat, iaitu satu keturunan yang sama, satu agama yang sama dan satu kebudayaan yang sama.

Di dalam Konteks Malaysia, maka tidak ada jalan lain selain daripada rakyat seluruhnya mengamalkan satu cara hidup yang sama yang mencerminkan identiti dan keperibadian bangsa Malaysia iaitu kebudayaan kebangsaan di samping

terus mengekalkan warisan budaya, sukuan dan kaum masing-masing di dalam kehidupan seharian. Perkara ini tidak menjadi sebarang masalah kerana apa yang kita hasratkan ialah masyarakat Malaysia yang dinamis, yang berdisiplin, yang progresif dan berbudi pekerti yang tinggi berasaskan nilai-nilai umum budaya semua kaum yang menjadi rakyat negara ini.

Di samping itu bagi tujuan memesatkan pencapaian hasrat Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan di negara ini, pada hemat saya ianya lebih berkesan jika kita menggunakan aspek-aspek kebudayaan sebagai daya penarik. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, ialah kita perlu memperingkatkan mutu, memperhebatkan daya kreatif dan kita perlu seterusnya mendedah keluar dengan lebih banyak lagi akan ciri-ciri budaya ekspresif dan lahiriah seperti kesenian, adat istiadat, moral dan sopan santun kita bangsa Malaysia.

Bidang kesenian sama ada seni pementasan seperti tarian, muzik dan seumpamanya serta seni tempa seperti seni lukis, seni ukir, seni kraft, seni hias dan sebagainya haruslah diketengahkan dengan lebih meluas, dengan kata lain kita perlu mempertingkatkan produktiviti dan mutu industri budaya kita yang sudah pasti dapat menarik para pelancong.

Perkara seperti inilah yang benar-benar ingin dilihat dan dihayati oleh para pelancong ke sesebuah negara. Mereka tidak ingin melihat bangunan-bangunan tinggi semata-mata kerana segala seperti itu sudah memang terdapat di negara mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu usaha-usaha melaksanakan program pertukaran kebudayaan antarabangsa dan usaha memperkenalkan warisan seni budaya Malaysia ke luar negeri perlulah dipertingkatkan lagi. Pendedahan

warisan seni budaya ke luar negeri adalah suatu bentuk penanaman modal yang boleh mendatangkan untung jangka panjang yang menggalakkan.

Bagi mencapai hasrat ini saya kira sudah sampai masanya pihak Kerajaan menilai dan mengkaji semula seluruh struktur organisasi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya program kebudayaan itu sendiri memandangkan tugas yang hendak dilaksanakan itu dan harapan negara kepada program pembangunan kebudayaan ini amat berat walaupun ianya tidak dapat dinilai dengan fakta dan angka atau data.

Adalah tidak wajar bagi sebuah agensi yang perlu memainkan peranan yang begitu besar mempunyai serba kekurangan sama ada dari segi kewangan mahupun dari segi kepegawaian.

Setahu saya, Tuan Pengerusi, dengan menyemak buku Belanjawan tahunan, taraf perjawatan utama Kementerian tersebut tidak pernah berubah sejak tahun 1973 yang lalu kecuali kenaikan taraf Pengarah-pengarah Negeri di akhir-akhir ini. Perubahan yang begitu kecil dalam tempoh masa yang begitu lama adalah sangat-sangat tidak seimbang. Mungkin sudah sampai masanya perjawatan utama di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terutama di bawah program kebudayaan itu diberi penerapan semula, umpamanya Pengarah Kebudayaan yang bertanggungjawab dalam usaha membudayakan sebuah negara mungkin lebih wajar dinaikkan tarafnya lebih tinggi daripada kedudukannya sekarang yang saya kira sama sahaja dengan seorang Pegawai Daerah,

Tuan Pengerusi, saya memang sedar dan memang menyokong langkah berjimat cermat yang diamalkan oleh Kerajaan kita pada masa ini kesan daripada kemelesetan ekonomi duma

akan tetapi Kerajaan tidaklah seharusnya mengambil langkah yang terlalu menyeluruh di dalam usaha mengurangkan kakitangan dan peruntukan. Kerajaan sepatutnya menilai secara terperinci dengan melihat keperluan-keperluan sebenar setiap Kementerian dan Jabatan.

Pada saya, Tuan Pengerusi, Kementerian Kebudayaan, Beha dan Sukan walaupun telah ditubuhkan sejak tahun 1964 ianya masih merupakan sebuah Kementerian yang sedang membangun, yang masih memerlukan peningkatan dari segi keupayaan dan produktiviti. Apa lagi, Tuan Pengerusi, kesan daripada kebakaran Wisma Keramat baru-baru ini dan kehilangan banyak hasil koleksi penyelidikan yang telah dikumpul dengan titik peluh selama 13 tahun yang lalu adalah satu kehilangan yang amat besar bagi negara seluruhnya. Kehilangan ini tidak harus dibiarkan tanpa berganti.

Sesuai dengan keperluan itu juga amat wajar sekali usaha-usaha diambil dengan lebih tegas bagi mempertingkatkan keupayaan para Pegawai Kebudayaan dalam bidang keiimuan. Ini periu kerana kerja-kerja pembinaan kebudayaan adalah memerlukan kepakaran dan pengetahuan akademik yang tinggi, peluang-peluang latihan dan ijazah lanjutan haruslah dibuka dengan lebih luas kepada pegawai-pegawai berkenaan sama ada di bidang pengkhususan yang berkenaan seperti pengurusan, teater, pencipta muzik, pelukis dan seumpamanya sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

Langkah ini amat penting bukan sahaja bagi memenuhi keperluan semasa tetapi juga untuk melahirkan barisan pelapis pentadbir dan pakar-pakar dalam bidang pembinaan kebudayaan kita.

Sehubungan dengan itu saya ingin menyatakan mengenai tujuan program ini untuk memulih, memelihara, mencipta dan mengembangkan bahan-bahan kesenian bermutu tinggi dalam bidang seni tari, seni muzik dan seni teater sama ada berbentuk ethnik rakyat mahupun sezaman.

Apa yang ingin saya sentuh di sini, Tuan Pengerusi, ialah mengenai mutu seni pementasan yang terdapat di negara kita pada masa ini. Pada hemat saya usaha melahirkan bahan-bahan kesenian bermutu tinggi ini masih belum mencapai matlamatnya. Keadaan ini timbul kerana negara kita tidak mempunyai akademi seni atau pusat latihan kesenian yang bermutu tinggi yang dimaksudkan itu. Oleh kerana keadaan kewangan tidak mengizinkan saya kira kita masih jauh dari memiliki sebuah akademi seni sendiri sedangkan jika kita tinjau di negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand mereka bukan sahaja mempunyai satu malah banyak akademi seni di dalam pelbagai bidang yang berkeupayaan melahirkan seniman-seniman yang begitu berwibawa.

Maka bagi mengatasi masalah ini ada baiknya jika Kompleks Budaya Negara (KBN) yang menjadi pusat aktiviti ini dinaikkan tarafnya dengan beberapa kemudahan asas yang perlu dengan pakar-pakar yang tertentu bagi melahirkan seniman-seniman tempatan sesuai dengan kehendak akademi seni itu. Dengan langkah ini sekurang-kurangnya Malaysia akan dapat bangga dengan satu pusat di mana para pengkaji dan para seniman di dalam bidang seni pementasan dari dalam dan luar negeri dapat mempelajari dan mendalami keilmuan di dalam bidang tersebut khususnya mengenai ciri-ciri Malaysia ini.

Jika Indonesia boleh berbangga dengan A.S.T.I. iaitu Akademik Seni Tari dan A.S.R.I.—Akademik Seni

Rupa maka kita harus pula berbangga dengan Kompleks Budaya Negara kita sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.28 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi membahaskan Maksud Bekalan B.21—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, muka surat 105, Butiran 020000.

Tuan Pengerusi, kebudayaan adalah merupakan satu cara hidup masyarakat dalam sebuah negara di mana Malaysia yang mengandungi berbagai bangsa dan keturunan yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India yang terbesar di negara ini mempunyai cara hidup dan kebudayaan masing-masing. Bangsa-bangsa ini telah mengamalkan cara kebudayaan yang berlainan. Justru itu dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan sebuah negara yang mempunyai kebudayaan nasional maka usaha-usaha bagi menyatukan kebudayaan ini hendaklah diambil kira.

Oleh yang demikian kebudayaan kebangsaan mestilah dirumuskan dengan secepat secepatnya bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul di mana pada masa ini telah terdapat bangkangan-bangkangan dan pandangan-pandangan yang negatif tentang kebudayaan ini. Soal menjadikan kebudayaan kebangsaan masih lagi menjadi perbincangan dan hingga masa kini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan belum dapat merumuskan suatu ideal tentang kebudayaan kebangsaan kita. Sampailah masanya bahawa suatu formula harus dicari bagi mengatasi masalah tersebut di samping kita pada masa ini ingin melihat satu rupa bangsa Malaysia yang berbudaya, yang maju setanding dengan bangsa lain di dunia ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu dalam memperkenalkan kebudayaan harus juga kita kaji tentang beberapa corak kebudayaan-kebudayaan kita dari suku-suku bangsa di negara ini. Kita harus mengetengahkan banyak perkara tentang kebudayaan-kebudayaan yang masih belum diperkenalkan. Umpamanya kita harus dapat mengkaji tentang permainan-permainan berдах, rodат, dabus dan sebagainya. Dalam memperkenalkan permainan-permainan ini yang merupakan satu daripada corak kebudayaan Melayu yang harus diketengahkan dan di satu masa nanti diharap akan menjadi satu permainan yang diminati ramai oleh penduduk Malaysia ini.

Di samping itu juga dalam bidang seni tari, nyanyian dan sebagai, haruslah diperbanyakkan tentang unsur-unsur tempatan dan mengelakkan dari berlakunya satu rupa bentuk tarian yang boleh dikatakan tidak menarik perhatian ataupun boleh dianggap sebagai sesuatu yang merendahkan moral. Oleh itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan harus menyusun satu program dalam latihan di Kementerian ini bagi menyesuaikan dengan Malaysia ini sebagai sebuah negara Islam.

Tuan Pengerusi, kita juga banyak memperkatakan tentang hasil-hasil kebudayaan kita dan bahan-bahan yang ada di luar negeri yang masih lagi disimpan di beberapa buah perpustakaan di luar negeri. Kerana itu perlulah Kementerian ini berusaha untuk membawa balik bahan-bahan sejarah ini untuk digunakan sebagai khazanah dan kegunaan di negara kita.

Selain daripada itu, saya suka juga menyentuh tentang Butiran 03000 mengenai tajuk Belia. Tuan Pengerusi, belia kita hari ini boleh dikatakan tidak begitu tertarik dengan persatuan-persatuan belia yang diwujudkan di negara ini. Ini adalah kerana tidak ada

galakan dan rangsang yang mereka dapati bila mereka memasuki persatuan-persatuan belia. Biasanya belia-belia di negara kita ini yang telah memasuki persatuan dan mendapat pula latihan-latihan di persatuan-persatuan belia, apabila mereka memohon satu-satu kerja sama ada melalui Kerajaan atau swasta maka mereka tidak mendapat faedah daripada latihan-latihan yang diberikan masa mereka memasuki persatuan tersebut. Justeru itu, sampailah masanya bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kalau boleh memastikan semua belia-belia di negara ini dimestikan persatuan-persatuan belia dan diberi latihan-latihan di Kementerian tersebut serta mengikut kemahiran dan kecenderongan masing-masing. Setelah mereka ini diberi latihan dan juga tunjuk ajar menerusi kursus-kursus belia, mereka ini bolehlah disalurkan apabila sampai masanya kepada mereka untuk memohon kerja-kerja di jabatan-jabatan Kerajaan ataupun swasta menerusi kemahiran dan juga kecenderongan masing-masing. Dengan cara ini saya rasa kemungkinan belia-belia kita akan berminat memasuki persatuan-persatuan yang diadakan pada hari ini.

Selain daripada itu, saya suka juga menarik perhatian kepada Lawatan Belia ASEAN yang pada masa ini telah berjalan, diharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengkaji semula tentang Lawatan Belia ASEAN ini kerana pada pendapat saya Lawatan Belia ASEAN ini adalah lebih menguntungkan Kerajaan yang menajanya iaitu Kerajaan Jepun sendiri di mana dengan penjelajahan oleh belia Jepun ia telah dapat mengkaji dan melihat keadaan negara-negara di rantau ASEAN ini bagi meluaskan ruang perniagaannya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 04000 mengenai Sukan. Kita sedar bahawa mutu sukan negara kita

pada masa ini agak merosot berbanding pada masa-masa yang lalu. Ini telah terbukti dalam Sukan Asia yang baru lalu di mana kita telah tidak dapat menunjukkan prestasi yang baik. Oleh itu, adalah diharapkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat berusaha memberi latihan-latihan kepada bakal-bakal sukan kita. Dalam konteks ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan haruslah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran menerusi Majlis Sukan Sekolah-sekolah yang mana menerusi latihan-latihan yang diberikan dari bakat-bakat penuntut seperti di masa-masa yang lalu adalah diharapkan kita akan boleh melahirkan jaguh-jaguh sukan handalan negara kita di mana satu masa nanti negara kita akan dapat maju dan akan terkenal melalui sukan ini.

Di samping itu, kita juga adalah menggalakkan pihak swasta memberikan insentif kepada sukan negara kita ini dengan memberikan kemudahan-kemudahan supaya mutu sukan kita akan dapat berjalan dengan baik dan kita juga akan mendapat faedah dari hasil kejayaan yang kita capai menerusi sukan ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah pendapat saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat *Titiwangsa*.

5.58ptg.

Dr Suleiman bin Mohamed (Titiwangsa): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 107, Maksud B.21, Butiran 040000 iaitu berkaitan dengan Sukan.

Tuan Pengerusi, di Sukan Asia yang baru lalu kontinjen kita hanya berjaya memungut lima pingat perak dan lima pingat gangsa sahaja. Athlet-athlet tertentu yang dijangkakan dapat memungut pingat telah gagal dalam

tugas mereka. Berbagai-bagai alasan telah diberi dan semua ini begitu kabur dan tidak dapat diterima. Berdasarkan kepada hal ini tindakan yang perlu mestilah diambil supaya atletik kita yang bertanding di semua pertandingan antarabangsa terutamanya di Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Commonwel dan lain-lain pertandingan yang ternama haruslah disediakan dengan lebih baiknya. Kita tidak boleh berpuas hati dengan cara kita mentadbir dan mengelolakan sukan di negara ini seperti yang pernah kita lakukan 10 atau 20 tahun yang lalu.

Kita mesti memperbaiki sistem ini dan jika Kerajaan yang memainkan peranan utama seharusnya menyedari perkara ini dengan memperbaiki kedudukan agensinya sendiri di samping menolong mereka yang terlibat seperti persatuan-persatuan sukan kebangsaan memperbaiki diri masing-masing.

Peruntukan kewangan selalu menjadi sebab ataupun alasan yang menyatakan kegagalan atletik-athletik kebangsaan dalam satu-satu pertandingan. Saya sukalah bertanya kepada pihak yang berkenaan sama ada Kementerian Kewangan atau Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu peruntukan \$2,007,400 yang diperolehi untuk sukan, apakah satu angka yang mencukupi atau munasabah. Bagaimana organisasi tersebut hendak menjalankan fungsi memperbaiki prestasi sukan di negara ini. Saya percaya banyak punca kewangan di dalam Kerajaan yang boleh disalurkan menampung peruntukan yang tidak mencukupi itu untuk memajukan atletik-athletik negara ini. Sports Toto misalnya ditubuhkan untuk menolong memajukan sukan sepatutnya memainkan peranan yang besar untuk menampung keperluan kewangan program kemajuan sukan.

Tuan Pengerusi, kelemahan-kelemahan atletik-atletik di pertandingan antarabangsa seperti yang ditunjukkan semasa Sukan Asia 1986 yang baru lalu bermakna bukan kelemahan di pihak Kerajaan sahaja. Pihak-pihak lain terutama Majlis Olimpik Malaysia juga persatuan sukan kebangsaan yang bergerak secara bebas sepatutnya juga menerima ataupun sama-sama memikul tanggungjawab di atas kelemahan tersebut. Adakah diakui bahawa pihak Kerajaan sepatutnya memainkan peranan yang lebih penting di dalam mempergiatkan sukan di dalam negara ini terutamanya di peringkat pertandingan antarabangsa tetapi tanpa kemahuan dan sambutan yang positif daripada persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan atletik-atletik sendiri segala rancangan dan tindakan yang dilakukan tidak akan membawa sebarang kesan.

Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengkaji kelemahan agensi-agensi ini di dalam melaksanakan tugas untuk memperbaiki prestasi atletik-atletik kebangsaan di pertandingan antarabangsa. Sambil itu saya juga menyuarakan bahawa persatuan sukan kebangsaan dan juga Majlis Olimpik Malaysia seharusnya mengkaji kedudukan mereka masing-masing untuk memperbaiki mutu sukan negara. Mungkin perubahan boleh dilakukan dengan menggantikan para pemimpin serta pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mentadbirkan persatuan sukan kebangsaan berkenaan. Kita sering mendengar berlaku politicking di dalam persatuan sukan kebangsaan.

Kita tahu ini bukanlah satu perkara menguntungkan kegiatan sukan di negara ini. Kalau sekiranya pihak-pihak yang berkenaan hanya berminat untuk bermain politik dan menggunakan sukan sebagai

salurannya, saya suka mencadangkan supaya mereka itu berpolitik di dalam parti politik yang sebenarnya. Kita semua tidak mahu melihat mutu sukan di negara ini merosot kerana tindak-tanduk sebahagian pegawai yang mentadbir persatuan-persatuan sukan ini terutama bila menjelang mesyuarat agung persatuan-persatuan tersebut.

Kita juga tidak mahu mereka yang telah kekurangan idea masih duduk memegang jawatan masing-masing dalam persatuan-persatuan yang memerlukan pembaharuan dari masa ke semasa. Sekiranya mereka tidak mampu mengeluarkan idea yang baru atau tidak mahu bergerak dengan tebih cergas untuk memenuhi kehendak sekarang yang lebih kompetitif, yang lebih mencabar, saya suka mengesyorkan supaya mereka meletakkan jawatan untuk memberi peluang kepada mereka yang berminat yang telah lebih awal ditolak peluang mereka untuk melaksanakan tugas tersebut.

Tuan Pengerusi, mengikut rekod sehingga Sukan Asia 1986 yang baru lalu, lebihkurang 1,000 orang atletik telah mewakili negara di Sukan Asia sejak tahun 1954. Dalam tempoh itu kita hanya mampu memungut 17 pingat emas, 19 pingat perak dan 36 pingat gangsa sahaja sejak tahun 1954. Pencapaian yang dibuat ini bukanlah menunjukkan satu angka yang baik. Di peringkat Sukan SEA pula kita hanya mampu berada di tangga yang keempat di belakang pasukan Indonesia, Thailand dan Filipina. Demikian juga di Sukan Asia yang baru lalu kita berada di tangga ke 14 dan masih di belakang di negara-negara anggota ASEAN yang lain. Adakah semua pihak yang bertanggungjawab masih lagi tidak menyedari tentang keupayaan atletik negara ini di pertandingan seperti di Sukan Asia? Jika mereka menyedari hakikat ini, mengapakah masih ada lagi pasukan yang tidak mempunyai kelayakan

untuk bertanding dalam pasukan-pasukan lain di Asia masih dihantar untuk menyertai pertandingan tersebut?

Kita telah membelanjakan wang dan wang ini adalah juga wang rakyat. Sekiranya wang tersebut tidak digunakan dengan sebaik-baiknya, saya suka mencadangkan supaya tindakan yang lebih sesuai diambil untuk menentukan cuma hanya atletik yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang setanding dengan peserta-peserta lain sahaja yang dipilih untuk mewakili negara.

Kita tidak mahu atletik kita yang dihantar bertanding mendapat tempat yang terakhir di dalam pertandingan. Kita tidak mahu melihat dan menghantar atletik kita yang hanya bermain di pusingan pertama dan selepas itu makan angin dan duduk menikmati suasana di musim pertandingan tersebut.

Pada pandangan saya terutama di zaman yang meleset ini kita patut mengawal sikap berjimat cermat dan ini patut dilakukan dalam memilih atletik untuk bertanding di pertandingan antarabangsa terutamanya seperti Sukan SEA, Sukan Asia dan sebagainya. Kejayaan perancangan dan peruntukan kewangan yang disediakan bergantung besar kepada atletik itu sendiri. Sekiranya mereka tidak mempunyai sikap nasionalisma yang tulin atau tidak mempunyai semangat perjuangan yang kental di dalam hati masing-masing segala peruntukan dan perancangan akan tetap akan menjadi sia-sia sahaja.

Saya suka mencadangkan supaya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil perhatian mengenai perkara ini. Kita tahu terdapat beberapa orang atletik yang tidak menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam beberapa pertandingan antarabangsa walaupun

mereka telah diberi peluang menjalani latihan bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negeri, tetapi mereka masih ditakuk lama dan tidak mampu untuk membawa kejayaan. Sampailah mereka ini digugurkan dari menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa dan peluang serta peruntukan yang sepatutnya digunakan untuk mereka ini digunakan pula untuk atletik-atletik muda yang lebih mempunyai semangat dan kemahuan untuk mencapai kejayaan.

Kita tidak perlu membazirkan peruntukan yang terhad jumlahnya untuk mereka yang pengecut, untuk mereka yang tidak mempunyai semangat kebangsaan, untuk mereka yang tidak mempunyai berjuang, bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara, tetapi hanya pandai memberi berbagai alasan di atas kekalahan dan hanya pandai meminta diri apa yang sepatutnya.

Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa di sepanjang penyertaan kita di Sukan Asia yang lalu hanya 12 jenis sukan sahaja yang telah memenangi pingat dan sejak kita bertanding di Sukan Asia mulai dari tahun 1954 hanya 4 jenis sukan sahaja yang telah berjaya memenangi pingat emas. Sukan tersebut ialah sukan yang memenangi 47% dari jumlah pungutan pingat emas, badminton 35%, pelumba basikal 12% dan bowling 6%. Selain daripada itu sukan yang lain masih lagi belum mampu untuk memenangi pingat emas.

Apa yang suka saya menyatakan di sini bahawa negara memerlukan velodrome untuk pelumba-pelumba basikal kita. Sebelum Sukan Asia yang baru lalu, seorang pelumba basikal telah meninggal dunia kerana mengalami kemalangan semasa latihan di lebuh raya. Pelumba-pelumba ini sentiasa menghadapi risiko kerana berhasrat untuk mewakili negara di pertandingan antarabangsa. Saya tahu bahawa pelumba ini merupakan

golongan yang muda yang mempunyai semangat perjuangan dan mempunyai falsafah hidup yang tebih simple kalau dibandingkan dengan pemain-pemain sepak bola kita. Kerajaan sepatutnya menghargai dan membiayai mereka ini.

Pelumba-pelumba basikal ini telah membuktikan bahawa mereka juga mampu menyumbangkan pingat kemenangan tanpa kemudahan sebuah velodrome dan seperti yang saya sebutkan, mereka adalah di antara empat jenis sukan yang telah memenangi pingat emas di Sukan Asia.

Pihak Kerajaan sepatutnya bertanggungjawab untuk mendirikan velodrome, tidak sepatutnya tugas membina velodrome ini diserahkan kepada mana-mana pihak yang lain dan perkara ini sepatutnya disegerakan kerana mengikut pengetahuan saya sebuah velodrome telah dijanjikan sejak tahun 1970 untuk pelumba sukan lumba basikal di negara ini.

Mengapa kita mampu mengadakan 3 buah padang astroturf untuk hoki di negara ini, mengapa kita mampu mengadakan beberapa buah kolam renang di negara ini, mengapa kita mampu mengadakan stadium dan balapan-balapan, mengapa kita mampu mendirikan dewan-dewan badminton di semua tepian gelanggang, tetapi mengapa sebuah velodrome tidak mampu diadakan? Ini adalah perkara yang sungguh menyedihkan dan saya minta pihak yang berkenaan meneliti perkara ini dan mengambil tindakan yang serius supaya hasrat membina velodrome dapat diadakan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, apa yang perlu saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan perlulah meneliti tentang keperluan dan kemudahan sukan di negara ini. Janganlah sampai sehingga tidak ada keseimbangan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan di mana terdapat tumpuan yang lebih

untuk beberapa jenis sukan sahaja, sedangkan mengikut statistik yang kita dapati keadaan yang sebaiknya telah dapat dibuktikan. Kebanyakan negara di dunia ini menggunakan sukan untuk berbagai-bagai tujuan. Negara komunis menggunakan sukan sebagai lambang kemajuan ideologi dan sistetn pentadbirannya. Negara-negara yang sedang maju menggunakan sukan untuk faedah memperkenalkan negaranya seperti yang dilakukan oleh Korea Selatan semasa menganjurkan Asia dan juga sukan Olympik.

Banyak kejayaan dan faedah yang boleh didapati melalui aktiviti sukan ini. Saya berharap pihak Kerajaan menyedari perkara ini dan mengambil tindakan yang positif untuk memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang ada bagi mempopularkan kegiatan sukan di negara ini dan yang penting menentukan supaya athelit-athelit kita yang mempunyai kemahuan, berkeupayaan mencatat kejayaan setanding dengan beberapa negara yang lain.

Tuan Pengerusi, sekian, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.52 *ptg.*

Tuan Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.21, muka surat 106, Butiran 020000, Program/Aktiviti 020300, 020400, 020500 yang menyentuh soal pembangunan dan penggalakan kebudayaan, penyelidikan kebudayaan dan pendidikan dan perkembangan kebudayaan. Oleh kerana ketiga-tiga aktiviti atau butiran kecil ini mempunyai hubungan di antara satu dengan lain maka saya akan rangkumkan perbincangan atas perkara ini. Kegiatan kebudayaan di Kementerian ini pada keseluruhannya berkisar pada butiran-butiran kecil ini.

Pada pandangan saya, beberapa aktiviti berhubung dengan kebudayaan seperti yang tercatat dalam Buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi, 1987, muka surat 220, adalah berlawanan dengan kemahuan Penerangan Program di bawah Program Kebudayaan di muka surat yang sama. Mengikut Penerangan Program itu, ia bertanggungjawab menerapkan Dasar Kebudayaan kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negara untuk menghayatinya sebagai satu cara hidup yang berlandaskan nilai-nilai kebudayaan rakyat asal rantau ini berjiwakan nilai-nilai Islam.

Tuan Pengerusi, adakah pihak Kementerian ini sudah mengenalpasti yang mana dari nilai-nilai kebudayaan itu yang berjiwakan nilai-nilai Islam? Sekiranya aktiviti Bahagian Pendidikan dan Pengembangan Kebudayaan diperhatikan, maka kita dapati ia melibatkan kegiatan di bidang seni, baik dalam bahan-bahan kebendaan yang bernilai seni, mahupun seni yang digolongkan kepada hiburan seperti seni tari, seni suara, muzik dan sebagainya.

Dari segi pandangan Islam, kegiatan dalam seni hiburan tari sekalipun menitikberatkan unsur kebudayaan rakyat dari rantau ini atau rantau mana-mana juga adalah sukar untuk digaulkan dengan Islam. Tidak siapa pun dari kalangan orang Islam baik yang jahil sekalipun tidak akan mengatakan tarian dan seni lakonan itu diluluskan oleh Islam.

Saya terpaksa menyentuh hal ini kerana Belanjawan ini telah menyebutkan ia hendak memberikan perhatian kepada kegiatan yang berjiwakan nilai-nilai Islam. Apabila dasar dan strategi Kementerian tidak dapat diselarikan dengan kegiatan dan prestasinya, maka ia akan menggambarkan adanya sesuatu yang

tidak jelas atau konflik, yakni percanggahan antara strategi dan pelaksanaan.

Pada pandangan saya, sekiranya Kementerian benar-benar hendak melaksanakan program dan strateginya, maka kegiatan mengembang dan memoderikan seni hiburan tari terpaksa ditinggalkan. Kalau kegiatan ini berjalan terus, sedangkan programnya dikekalkan juga seperti yang ada, maka ini bererti membenarkan sifat-sifat munafiq dan hipokrit.

Apabila saya mengenali dasar Kerajaan yang ada sekarang, saya tidak yakin ia benar-benar mahu mengikut kemahuan Islam khususnya dalam hal yang melibatkan kebudayaan dan apabila hal-hal yang menyentuh Islam itu dimasukkan dalam programnya, maka saya sebutkan di sini ia tidak lebih dari satu propaganda. Propaganda ialah satu program yang tidak mungkin dilaksanakan dan program yang boleh dan mampu untuk dilaksanakan pula barulah disebutkan dasar. Maka jelaslah "Islam" yang dicatatkan itu tidak lebih daripada satu propaganda.

Lebih jauh yang ingin saya tekankan sebagai propaganda ialah tidak mampunya Kementehnan ini mengawal program TV dan radio dan juga lain-lain alat sebaran am yang mengembangkan segala pengaruh kebudayaan. Seluruh bahan siaran TV adalah menyebarkan kebudayaan asing baik dari Barat mahupun dari Timur, dari siaran drama sehinggalah kepada siaran kartun, tetapi yang lebih menjolok mata ialah siaran kebudayaan rancak ataupun "pop" yang juga telah membinasakan kebudayaan Barat itu sendiri. Kebudayaan "pop" ataupun "rock" telah membinasakan kebudayaan Barat dari segi cara berpakaian, cara sopan santun, adat dan sebagainya yang telah jauh lari dari peradaban

Barat dan sesuatu yang telah membinasakan peradaban Barat itu ditontonkan pula kepada masyarakat negara kita ini termasuk yang beragama Islam, maka dengan sendirinya ia telahpun merosakkan cara hidup rakyat negara ini. Kerajaan telah membatalkan pertunjukan pop di khalayak ramai, tetapi tidak mempunyai suatu sikap yang jelas tentang penyarannya.

Di TV ia dibenarkan dan Kementerian Kebudayaan pula membenarkannya. Pertunjukan TOckdi padang-padang cuma melibatkan kaum belia dan ianya dikira membahayakan peradaban hidup bangsa dan budaya, lalu Kerajaan melarangnya. Tetapi yang disiarkan melalui TV akan disaksikan oleh kanak-kanak yang belum tahu bercakap dan oleh nenek-nenek yang menunggu kedatangan malaikat al-maut. Khadhi-khadhi dan Imam-imam akan sama menyaksikannya. Siapakah di antara kita yang sanggup berkata bahawa siaran TV tidak mempengaruhi jiwa dan budaya seseorang? Jelaslah ia menyerang nilai-nilai Islam. Oleh itu di mana fungsi, strategi Kementerian mengenai nilai-nilai Islam dan pelaksanaannya?

Saya kira mungkin pegawai-pegawai kebudayaan tidak tahu apakah yang dimaksudkan dengan "berjiwakan nilai-nilai Islam" atau mereka tahu tetapi sengaja membiarkan bagi mengelirukan rakyat yang mahukan Islam dengan mencatatkannya dalam Belanjawan.

Tuan Pengerusi, PAS tidak menentang kebudayaan mana-mana kaum, baik kaum itu menjadi rakyat Malaysia ataupun yang tinggal di Kutub Utara, tetapi apa yang ditekankan oleh PAS ialah kebudayaan dan adat itu harus tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Mana-mana corak kebudayaan orang Melayu dan orang Arab yang

bercanggah dengan Islam akan kami tolak. Itulah sebabnya sebahagian dari umat Islam di negara ini mulai meninggalkan sebahagian dari adat resam bangsanya. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Islam, saya ingin menjelaskan bahawa penyokong-penyokong PAS sudah pun meninggalkan istiadat bersanding dan bergendang dalam majlis perkahwinan kerana ia dianggap tidak mustahak dalam Islam. Tarian-tarian dan nyanyian-nyanyian telah diketepikan. Ini tidak bererti kamu sudah anti Melayu ataupun ada pula yang mengatakan orang PAS bukan pribumi tulen. Mana tahu, kalau ada pula merasakan bahawa orang PAS adalah "pribulan" (*Ketawa*) bukan pribumi.

Apa yang perlu, Tuan Pengerusi, ialah dengan mengalakan perhatian kepada sesuatu

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang, hendak tanya berkenaan dengan "pribulan" ini (*Ketawa*). Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Abdullah bin Haji Arshad: Tak payahlah. Apa yang perlu, Tuan Pengerusi, ialah dengan mengalakan perhatian kepada sesuatu yang berjiwa Islam dapat mengseederhanakan setiap orang dari terlalu terikat dengan adat resam sehingga membelakangkan hukum dan peraturan agama. Langkah ini bukan untuk menyusahkan orang ramai tetapi adalah hendak membebaskan manusia dari kepercayaan karut dan kembali kepada alam realiti.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Butiran 030000

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: yang menyentuh Butiran Kecil 030200 mengenai Latihan Belia. Setakat ini unit ini mengadakan program, kononnya untuk memberi kursus kemahiran kepada belia untuk menjalani kehidupan kemudian hari. Wajarnya kursus ini adalah lanjutan dari latihan yang diperolehi di sekolah-sekolah, tetapi bagi mereka yang berpeluang mengikuti kursus di sekolah-sekolah kemahiran yang dianjurkan oleh MARA, sama ada di sekolah Vokesyenal dan ITM, tentulah latihan yang ditempuhnya itu lebih intensif, dengan demikian latihan di Kementerian perlu dijelaskan adakah untuk menampung keperluan orang yang tidak berpeluang untuk ke sekolah-sekolah profesional itu atau tujuan lain?

Apa yang membimbangkan saya ialah pusat-pusat latihan belia ini dijadikan tempat menyalurkan kursus-kursus politik bagi kumpulan-kumpulan tertentu. Pernah satu masa kemudahan ini digunakan oleh satu kumpulan Silat Nasrul-haq yang dipimpin oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan masa itu, Menteri Pertahanan sekarang, yang ketika itu menjadi Pegawai Kanan di Kementerian ini, telah menjadi Bendahari Agung Nasrul-haq, kalau saya tidak silap, iaitu peruntukan Kementerian ini pada masa itu telah digunakan untuk memajukan kumpulan itu. Kumpulan itu telah menjadi alat mencari pengaruh politik Menteri. Kemudian didapati badan itu, setelah disiasat oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Jabatan Perdana Menteri, menyebarkan ajaran sesat. Kiranya hal ini pernah berlaku, maka dalam sebuah Kerajaan yang terlalu banyak berpolitik, hatta Jabatan Kerajaan dan pentadbiran pun mesti dipolitikkan, maka pusat-pusat latihan seperti Pertak, Dusun Tua dan Kuala Terengganu dipercayai digunakan untuk tujuan politik ini.

Adalah dituntut supaya Menteri jangan menggunakan kedudukannya sebagai Menteri untuk di pusat-pusat Kementerian ini untuk memprojekkan diri. Jika ini berlaku, Kementerian ini tidak akan sampai matlamatnya, sebaliknya menjelma menjadi khemah politik golongan tertentu. Gejala memuja pemimpin kian terdapat sekarang. Murid-murid yang cemerlang, sebelum melanjutkan pelajarannya ke universiti, dianjurkan mengikuti kursus berbagai-bagai nama, tetapi mereka telah diperkenalkan dengan politik memuja tokoh-tokoh tertentu. Kursus seperti ini juga digunakan untuk membenci tokoh-tokoh tertentu dan betapa kesempatan ini digunakan untuk memburukkan pembangkang seperti PAS tidaklah disebut lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, sedikit lagi. Saya beralih kepada Butiran

Tuan Pengerusi: Minta gulungkan, jika hendak pergi kepada Butiran baru, saya tidak benarkan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Untuk menggulung, pendek sahaja.

Tuan Pengerusi: Jangan pergi Butiran baru, sudah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak benar?

Tuan Pengerusi: Ya, tidak benar!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat-dari Rasah.

6.04 ptg.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 106 di bawah Butiran 030000, iaitu BELIA.

Di bawah Butiran ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa belia buat masa kini di tanahair kita adalah berasa sangat kecewa selepas Kerajaan, iaitu pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengharamkan Rock music di negara kita ini. Sebagai seorang Wakil Rakyat yang mempunyai hubungan rapat dengan kaum belia, saya boleh memberitahu Tuan Pengerusi, saya faham perasaan mereka terhadap pengharaman Rock Concert ini. Menurut apa yang mereka telah beritahu saya, Tuan Pengerusi, di dalam Rock Concert yang dihadiri oleh sebahagian para hadinn yang merupakan orang remaja, mereka boleh mewujudkan satu perasaan perpaduan dan muhibbah di kalangan belia yang terdiri dari berbagai kaum.

Untuk diri saya sendiri, saya berasa kecewa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil langkah mengharamkan Rock Concert. Menurut apa yang saya dapat tahu, cuma satu kejadian Rock Concert yang mengakibatkan rusuhan iaitu di Pulau Pinang. Selain daripada itu semua Rock Concert itu adalah dijalankan dengan cara teratur dan licin. Jadi walaupun pihak Kerajaan ada memberi alasan mengharamkan Rock Concert di tanahair kita ini, tetapi saya merasa alasan-alasan yang diberikan oleh pihak Kerajaan itu semuanya bercorak hipokrit. Sebab di dalam kejadian ini, seorang jurucakap Kesatuan Ahli-ahli Musik yang bernama Sahara Yaacob mencabar Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk berdebate dan menurut pengetahuan orang ramai, Menteri yang berkenaan tidak berani menerima cabaran Sahara Yaacob ini. Jadi dia

lebih berminat berdebate dengan Ketua Pembangkang iaitu Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjung. Saya ingin hendak tahu, mengapa Menteri begitu takut kepada Sahara Yaacob (*Ketawa*),

Tuan Pengerusi, saya yakin apabila kita membahaskan, baharulah boleh mewujudkan kebenaran. Kalau pihak Kerajaan tidak berdos, patut Menteri berkenaan menerima cabaran Sahara Yaacob itu (*Ketawa*). Jangan ketawalah (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, untuk peribadi, saya boleh memberitahu musik-musik yang dikeluarkan ataupun dimainkan oleh penyanyi-penyanyi seperti Sheila Majid, Sahara Yaacob, Noreen Nor, Sudirman ataupun kumpulan-kumpulan seperti Alleycat, Dr. Sam Rasputin, semuanya adalah amat menahk dan mungkin ini adalah tidak berapa

Tuan Luhut Wan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Hu Sepang: Boleh!

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Tuan Luhut Wan: Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Rasah ini seolah-olah dia seorang yang expert dalam bidang Rock. Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat ini, pihak Kerajaan menyatakan satu ketika dulu bahawa musik Rock yang dibatalkan di Malaysia ini ialah Heavy Metal Rock, tetapi yang dia katakan di sini semua lagu Pop, ataupun lagu Rock, yang mana bukan Heavy Metal Rock yang mana bukan Heavy Metal Rock ini. Saya minta penjelasan daripada pihak Ahli Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak payah memberi penjelasanlah, kalau kita masih muda

dalam hati (*Tepuk*), badan dan fikiran patut kita faham perasaan kaum belia. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu sudah mencapai satu usia yang terlalu tua. (*Tepuk*)

Tuan Luhah Wan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Dia bangun pula (*Ketawa*).

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, bukan begitu, kerana satu ketika dulu saya pernah menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hampir dua tahun saya berasa, di situ, jadi saya tahulah mengenai hal ini, lagu-lagu dan tarian-tarian ini saya pun tahu. Bukan macam kata dia—ini tidak betul. Macam kata orang, bila kita sudah meningkat umur pun, takkan kita punya hati pun tua juga. Ini untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Hu Sepang: Tuan Pengerusi, saya akan sambung. Untuk muzik-muzik yang dikeluarkan oleh kumpulan-kumpulan ataupun penyanyi-penyanyi yang saya sebut tadi, dalam pandangan saya tak ada apa perbezaan dengan muzik, dengan izin, "enjoy"kan oleh orang dewasa. Misal kata orang dewasa suka berjoget, saya memang mengakui muzik secara "heavy metal" atau "rock concert" ini boleh mempercepatkan kepanasan seseorang, tetapi joget pun boleh akan capai kesan yang sama juga, mungkin dia perlahan sedikit (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Kesan-kesan apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Hu Sepang: Kesan kepanasan.

Tuan Pengerusi: Oh! Apa yang panas itu? (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Di mana kita akan bergoncang (*Ketawa*) dan mungkin menghilangkan perasaan kita (*Ketawa*).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat, yang tak berapa faham lagi (*Ketawa*).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, nampaknya Saudara Yang Berhormat itu tak faham apa yang dia cakap. Yang Kerajaan haramkan ialah "heavy rock" yang berat-berat itu, yang boleh menggetarkan perasaan, yang boleh menjahanamkan suasana dengan serta-merta. Seseorang yang dicakapkan tadi, seperti Sudirman, Noreen Nor dan sebagainya tak diharamkan. Jadi, kalau kita hendak bahas, bahas atas tajuk yang benar-benar kita tahu. Kalau kita hendak cakap sahaja yang kita tak tahu, orang ketawa sahaja, tak guna kita cakap yang itu, salah itu. Betulkan.

Tuan Hu Sepang: Tak payah jawablah, Tuan Pengerusi, sebab suara saya ini mewakili ahli-ahli muzik di seluruh negara kita ini (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Mewakili Sahara Yaacob juga? (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Ya, termasuk khasnya Sahara Yaacob (*Ketawa*), sebab selepas pengharaman "rock music" ini kehidupan ahli-ahli muzik mereka telah dijejaskan dan saya dapat tahu pendapatan mereka telah dikurangkan oleh kerana menerima kurang "booking" dari pihak peminat-peminat muzik. Saya berasa terkejut mengapa seorang Menteri yang begitu muda mengharamkan "rock music", sebab kita semua pernah menjadi remaja sekali dalam nyawa kita dan untuk generasi saya, kita memang berminat dengan muzik Elvis Presley, Beatles dan sebagainya, tetapi

semangat dan akhlak kita tidak dirosakkan dan kita hari ini jadi Wakil Rakyat (*Tepuk*). Jadi apakah

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, kita baru sahaja mendengar bahawa sejak pengharaman "rock music" ini artis-artis kita kekurangan pendapatan. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Rasah sama ada beliau bercadang untuk "booking" artis-artis yang mereka sebutkan tadi?

Tuan Hu Sepang: Kalau boleh tunjuk dalam Perlimen lebih baik supaya kita semua boleh lihat dengan teliti. Jangan ambil satu keputusan

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat membetulkan kenyataannya. Kerajaan bukan mengharamkan "rock music", Kerajaan mengharamkan yang "heavy", yang berat. Jadi, tolonglah jangan buat satu kesimpulan secara umum begitu. Sebab itu saya katakan perlu perbetulkan benda yang kita tak tahu. Tak boleh kita buat semberono, sambarangan. Kita cakap sahaja ikut sedap mulut, tak bagus macam itu. Apa yang kita cakap, kita mesti ada tanggungjawab, mesti ada hujah dan sokongan. Minta perbetulkan kembali.

Tuan Hu Sepang: Tuan Pengerusi, tak payah membetulkan apa saya soalkan tadi sebab "rock music" cuma

satu sahaja—"rock music". Beratkah, ringankah (*Ketawa*) semua "rock music" juga, cuma taraf sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, oleh kerana itu saya kata tadi ini bersikap "hipocrite" mengharamkan "rock music", sebab "rock music" ini ataupun "heavy metal music" ini dapat dimainkan di dalam pub, kelab malam dan di dalam kaset, kadang-kadang ditunjukkan di TV juga. Apakah

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, on a point of order 36 (6) dan juga .6 (10), "seseorang Ahli tidak boleh tngeluarkan sangkaan jahat ataupun perasaan bersakit-sakit hati". Jadi, kalau dikatakan Kerajaan "hypocrite", itu sudah tak betul. Itu satu sangkaan jahat, Kerana Saudara memberi kenyataan yang tidak betul, sebab itu andaian Saudara tidak betul, semuanya tidak betul. Tolong perbetulkan kembali.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat mengeluarkan perkataan itu ialah satu sangkaan yang tak sihat. Saya rasa tak apa, boleh digunakan. Jikalau sekiranya kepada Kerajaan, kepada kumpulan, boleh digunakan. Sila teruskan.

Saya ingat kita ada sedikit masa Sahaja lagi, kita kena habiskan pada hari ini juga. Yang Berhormat, minta ringkaskan.

Tuan Hu Sepang: Ya, keputusan Tuan Pengerusi amat arif.

Tuan Pengerusi: Tak usah, cukuplah (*Ketawa*). Teruskan.

Tuan Hu Sepang: Saya kata tadi sikap "hypocrite" iaitu Kerajaan, bukan seseorang. Saya tak faham mengapa dia begitu hangat terhadap "rockmusic".

Tuan Pengerusi: Minta teruskan.

Tuan Hu Sepang: Ya. Oleh kerana kehidupan mereka telah dijejaskan, jadi saya suka merayu kepada pihak yang berkenaan supaya menimbang semula membatalkan pengharaman ini supaya mereka boleh dapat memainkan muzik yang mereka suka muzik dengan cara bebas supaya kaum belia ataupun remaja kita akan mewujudkan satu fikiran yang kreatif, yang tidak disekat oleh langkah-langkah yang sempit itu yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dengan ini, saya ucapkan terima kasih dan "Hidup Sahara Yaacob"! (Ketawa).

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Masa sudah tak cukup hari ini.

6.17ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam peringkat membahaskan peruntukan bagi peringkat Committee Stage ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Rasah, ini kita mula daripada yang kemudian dahulu, menyebutkan mengenai beberapa perkara dan antara lain, termasuk mengenai pengharaman "heavy metal rock" yang telah dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini. Banyak dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu mengenai pada pandangan beliau berapa tidak logik ataupun tidak mantiknya satu pengharaman yang seperti itu diadakan

oleh Kerajaan. Tetapi dalam perkara ini sukacita saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pengharaman "heavy metal rock" yang dibuat oleh Kerajaan itu adalah kena pada masa dan amat kena pada tempatnya kerana "heavy metal rock" yang dianjurkan secara terbuka ini memanglah boleh memberi beberapa kemudahan kepada kaum-kaum belia, khususnya di dalam negara kita ini. Jadi, tidak timbul masalah "heavy metal rock" boleh menyatupadukan belia-belia dan berbagai-bagai lagi kerana mengikut sepanjang yang kita lihat, yang sudah terbukti, seperti peristiwa yang berlaku di Sungai Nibong, Pulau Pinang itu sudah menunjukkan jelas kepada kita bahawa kalau pertunjukan-pertunjukan yang seperti ini terus diadakan di dalam negara kita, apa akan jadi kepada belia-belia kita di negara kita ini yang akan datang akan menjadi beban kepada kita.

Soal penjejasan ekonomi ini pun tidak timbul. Kita ada rakyat 15 juta orang di dalam negara kita, hanya segelintir orang sahaja yang bergantung hidup kepada "music rock" ini. Jadi, kita fikirlah dengan cara logik sedikit, dengan cara yang agak mantik sedikit, yang rasional sedikit perkara-perkara yang seperti ini. Dari segi yang lain pula, memanglah banyak perkara yang akan timbul yang saya kata tadi bahawa muzik "rock" ini mengapa kita haramkan. Oleh kerana itu, saya harap kepada Ahli Yang Berhormat dari Rasah khususnya supaya dapat memberitahu kepada belia-belia yang mereka hubungi bahawa banyak lagi cara-cara lain untuk kita mempertingkatkan, mempergiatkan mutu seni, daya seni mereka di dalam negara kita ini, khususnya bagi hendak mempertingkatkan ekonomi belia ataupun ekonomi ahli-ahli muzik tadi, bukannya tersekat sangat dengan cara kita mengharamkan heavy metal rock ini.

Selain daripada itu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang terdiri daripada Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa, Pengkalan Chepa, Sabak Bernam, dan Bachok yang menyentuh secara keseluruhannya—kalau saya boleh sebut bahawa ada yang menyentuh mengenai kebudayaan, ada yang menyentuh mengenai belia dan ada yang menyentuh mengenai sukan.

Berkait dengan soal sukan, memanglah Kementerian menyedari kemerosotan ahli-ahli sukan kita. Prestasi ahli-ahli sukan kita di Seoul baru-baru ini umpamanya memanglah diakui bahawa ianya tidak mencapai kepada matlamat yang kita kehendaki. Begitu juga di dalam sukan-sukan Asia yang lain di peringkat olympik dan di peringkat yang lain kita tidak mencapai mutu sebagaimana yang dikehendaki sebagaimana yang saya katakan tadi. Namun begitu, untuk masa-masa yang akan datang ini memanglah kita menyiapkan, mencari jalan sebanyak mungkin untuk mempertingkatkan prestasi sukan yang ada di negara kita ini.

Selain daripada memperlengkapkan dan mempertingkatkan bahagian-bahagian di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri, khususnya mengenai sukan, kita juga mempertingkatkan beberapa perkara yang lain. Umpamanya di Kementerian sudah dibentuk sebuah jawataa kuasa untuk merangka satu dasar yang dinamakan Dasar Sukan Negara dan insya-Allah menerusi jawatankuasa ini barangkali pada masa-masa yang akan datang kita akan dapat merangka satu bentuk aktiviti, satu persiapan, satu cara yang boleh meyakinkan kita di dalamn mempertingkatkan prestasi sukan di negara kita ini di dalam apa peringkat pun.

Mengenai badan-badan sukan yang lain yang tidak dapat memberi fungsi yang baik sebagaimana yang disebut

oteh Yang Berhormat dari Titiwangsa banyak ada politicking, umpamanya di dalam beberapa pertubuhan sukan sama ada Majlis Olympik Malaysia dan lain-lain, itu adalah barangkali satu perkara yang berlaku diluar kemahuan dan kehendak kita. Tetapi walau bagaimanapun, kita mencari jalan supaya perkara-perkara seperti yang dibesar-besarkan oleh Yang Berhormat itu tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang, khususnya kalau boleh orang-orang yang bersemangat seperti Yang Berhormat itu akan dapat memberi khidmat bakti untuk mengetuai persatuan-persatuan sukan seperti ini dan hendaknya apabila Yang Berhormat mengetuai sukan-sukan yang seperti ini perkara-perkara politicking di dalam persatuan yang seperti ini tidak ada berlaku lagi, insya-Allah,

Mengenai beberapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bachok tadi, saya mengambil ingatan kerana perkara-perkara yang disebut itu adalah perkara-perkara yang sedang diteliti dan dihalusi oleh Kementerian sendiri bagi mempertingkatkan mutu kebudayaan kita yang kita harap menerusi kebudayaan ini kita dapat menyatupadukan rakyat kita di dalam negara kita ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Okay, tidak mengapa.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tadi Yang Berhormat berkata akan mempertingkatkan satu kebudayaan yang boleh menyatupadukan semua kaum atau rakyat dalatn negara kita. Saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan seperti apa yang tercetak di sini dalam tahun 1987, Kementerian ini akan meneruskan usaha ke arah membentuk Kebudayaan Kebangsaan

yang berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Saya ingin raeminta Yang Berhormat memberi definisi yang lebih jelas tentang rakyat asal rantau ini. Adakah kebudayaan kaum-kaum Cina, India, Kadazan ataupun lain-lain kaum tidak termasuk dalam Kebudayaan Kebangsaan?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Pengerusi, merujuk kepada mengenai definisi Kebudayaan Kebangsaan, sukalah saya memberitahu kepada Yang Berhormat itu bahawa yang menjadi asas ataupun ciri Kebudayaan Kebangsaan ialah 3 sebab iaitu asas kebudayaan serantau dan kebudayaan-kebudayaan lain boleh diterima juga sekiranya wajar dan berpatutan. Tak kira sama ada Cina atau India tak jadi masalah kepada kita, tetapi asalkan ianya ada mempunyai ciri-ciri keserantauan. Jadi, siapa yang serantau—ini masalah yang barangkali Yang Berhormat kurang faham. Yang serantau ialah orang-orang yang mendiami rantau Kepulauan Melayu ataupun di negara-negara sebelah timur ini. Jadi, tidak timbul masalah sekarang ini kepada kita orang-orang Cina hendak merasa curiga sangat mengenai apakah kebudayaan mereka akan diterima pakaikah dalam Kebudayaan Kebangsaan ataupun orang-orang India begitu juga tidak timbul masalah sekarang ini, sebab definisi kebudayaan itu sendiri adalah luas-culture. Kita tidak timbul sekarang ini masalah Tarian Singa, tidak timbul masalah itu, yang timbul kepada kita sekarang ialah culture. Culture, dengan izin, Tuan Pengerusi, kalau kita beh takrif yang luas ianya termasuk cara hidup, cara kita berfikir, cara kita berpolitik, cara kita makan, cara kita pakai, cara kita buat apa; itu pun termasuklah soal-soal bahasa dan berbagai-bagai lagi.

Jadi, kalau perkara yang seperti ini saudara Yang Berhormat itu mengungkit-ungkitkannya, masalah-masalah yang sudah kita selcsai, yang

kita tidak perlu barangkali ataupun yang agak boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan keadaan di negara kita ini akan timbul semula. Oleh itu, sukacita saya memberi jaminan di sini bahawa walaupun asas kebudayaan yang saya sebut tadi ada tiga. Tetapi kebudayaan-kebudayaan kaum-kauman boleh diamalkan tetapi kemungkinan ianya tidak diterima sebagai kebangsaan, tetapi dia tidak disekat untuk diamalkan di dalam suku kaum, di dalam rumahtangga, di dalam tempat-tempat ibadat kita masing-masing. Jadi, tidak ada timbul masalah yang kita cuba hendak timbul yang saya kira boleh menjadi sesuatu perkara yang agak sensitif di kalangan kita sendiri.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Saya memang tidak faham orang keturunan Cina, keturunan India telah diterima sebagai rakyat jelata yang taat setia kepada negara mengapa kebudayaan mereka ini tidak dapat diterima dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Itulah yang saya tak faham.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti. Ini pertanyaan minta penjelasan. Yang Berhormat tak boleh jawab. Yang Berhormat tak boleh jawab kepada dia, biar Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Yang memberi ucapan tadi Menteri. Silakan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Pengerusi, saya cukup senang hati apabila seseorang Yang Behonnat tidak faham memberitahu yang dia tidak faham. Jadi, senanglah kita menerangkan kepada orang-orang yang seperti ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita ada seminit lagi. Bolehkah Yang Berhormat habiskan penerangan dalam masa satu minit?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Insya Allah, setengah minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Pengerusi, jadi kepada Yang Berhormat tadi saya katakan bahawa kita menerima rakyat dan kita tidak menerima kebudayaan kaum itu sebagai Kebudayaan Kebangsaan kerana ianya tidak mencukupi syarat-syarat keserantauan ataupun syarat-syarat yang hendak menjadikan dia itu Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Oleh kerana masa sudah cukup, jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa insya-Allah saya akan berbicara dengan dia di luar kamar barangkali, Tuan Pengerusi, untuk memberi jawapan-jawapan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tidak. Saya hendak habiskan hari ini.

Tuan Pengerusi: Tetapi katau hendak habis hari ini sudah tak sempat, melainkan jikalau sekiranya ada satu usul hendak memanjangkan. Yang Berhormat

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tak apa, boleh sambung esok, insya Allah.

Majlls Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Esok barangkali Yang Berhormat Menteri akan menjawab bersangkut paut dengan perbincangan yang ditanyakan oleh wakil dari Rasah tadi berkenaan perbincangan di antara Menteri dan Sahara Yaacob (*Ketawa*).

Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.